



PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT (HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

THIRD SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT OF MALAYSIA

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 6305]

BILL:

The Supplementary Supply (1966) Bill—

Committee:

Heads S. 4, S. 7, S. 8, S. 11, S. 21, S. 41, S. 42 and S. 44
[Col. 6307]

Head S. 14 [Col. 6319]

Head S. 17 [Col. 6324]

Heads S. 18, S. 19 and S. 20 [Col. 6327]

Heads S. 23, S. 24, S. 25, S. 26, S. 28, S. 29 and S. 30
[Col. 6346]

Head S. 32 [Col. 6349]

Heads S. 33, S. 34, S. 35, S. 36, S. 38, S. 40 and S. 46 [Col.
6354]

Heads S. 49 and S. 50 [Col. 6363]

Heads S. 52, S. 55, S. 57 and S. 59 [Col. 6368]

Head S. 60 [Col. 6373]

Heads S. 66, S. 69, S. 71 to S. 73 and S. 77 [Col. 6374]

Head S. 72 [Col. 6382]

ADJOURNMENT OF THE HOUSE (Motion) [Col. 6384]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Third Session of the Second Dewan Ra'ayat

Monday, 6th March, 1967

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, TAN SRI V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Transport, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Local Government and Housing, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Information and Broadcasting and Minister of Culture, Youth and Sports, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Minister of Lands and Mines, TUAN ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister without Portfolio, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister for National and Rural Development, TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

- The Honourable the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports,
DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T.,
P.J.K. (Trengganu Tengah).
- .. the Assistant Minister of Education, TUAN LEE SIOK YEW,
A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. the Parliamentary Secretary to the Minister of Health,
TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- .. the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour,
TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- .. the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance,
TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- .. the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister,
TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- .. TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- .. WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- .. TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- .. TUAN ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI
(Pasir Mas Hulu).
- .. Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- .. TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH, S.M.K. (Kelantan Hilir).
- .. TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- .. PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- .. TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- .. TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- .. PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- .. TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- .. TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- .. TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- .. TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- .. TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN
(Sarawak).
- .. TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- .. DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).
- .. TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- .. TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- .. TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- .. TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- .. TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- .. TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- .. WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- .. TUAN HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).

- The Honourable DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, J.P. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SNAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).

The Honourable TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).

- „ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAJUDDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAI KUAN YANG (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

The Honourable the Prime Minister and Minister of Foreign Affairs,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).

- „ the Minister of Finance, TUAN TAN SIEW SIN, J.P.
(Melaka Tengah).
- „ the Minister of Education, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, TAN SRI TEMENGGONG
JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Labour, TUAN V. MANICKAVASAGAM,
J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister for Sabah Affairs, TUN DATU MUSTAPHA BIN
DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).
- „ the Assistant Minister of Finance, DR NG KAM POH, J.P.
(Telok Anson).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATO' TUANKU BUJANG, A.B.S.
(Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J.,
P.I.S. (Segamat Utara).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ TUAN STANLEY HO NYUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).

The Honourable TUAN THOMAS KANA (Sarawak).

- „ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- „ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).
- „ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ TUAN SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

PRAYERS

(Mr Speaker in the Chair)

ORAL ANSWER TO QUESTION

BILANGAN MURID² SEKOLAH KEBANGSAAN YANG MASOK KA- SEKOLAH² MENENGAH PADA TAHUN 1966

1. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok) bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa ramai-kah murid² sekolah kebangsaan yang patut masok ka-sekolah² menengah dalam tahun 1966 dan berapa ramai-kah daripada mereka (a) sudah masok sekolah, dan (b) yang tidak masok, dan kenapa.

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, bilangan murid² yang patut masok sekolah pada tahun 1966 ia-lah 68,487, yang masok 43,549 murid², yang tidak masok 24,938 orang. Sebab² kejatohan itu terutama-nya ia-lah kerana sikap ibu bapa terhadap pelajaran anak² mereka khusus-nya berhubung dengan anak² perempuan, kemiskinan, kesihtan tidak baik, menggunakan kanak² untok bekerja di-rumah dan chita² untok belajar ugama di-sekolah² pondok.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah pehak Kementerian sedar bahawa ada tanda² yang menunjokkan bahawa kegagalan masok-nya murid² sekolah rendah ka-sekolah menengah

kebangsaan atau Sekolah Aneka Jurusan ini ia-lah kerana ibu bapa itu menganggap persiapan atau kelengkapan di-Sekolah² Aneka Jurusan itu tidak cukup seperti mana di-Sekolah² Grammar, macam alat sains dan sebagainya itu tidak cukup kerana itu ibu bapa merasa sangsi atau pun was² terhadap anak mereka melanjutkan pelajaran.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak benar.

BILL

THE SUPPLEMENTARY SUPPLY (1966) BILL

Committee

Order read for consideration in Committee of Supply.

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Heads S. 4, S. 7, S. 8, S. 11, S. 21, S. 41, S. 42 dan S. 44—

Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Tuan Pengerusi, dengan izin Tuan, saya mohon membawa sa-kali gus S. 4, S. 7, S. 8, S. 11, S. 21, S. 41, S. 42 dan S. 44. Tuan Pengerusi, saya mohon

S. 4—Surohanjaya Pilehan Raya	\$ 110,011
S. 7—Perdana Menteri	528,133
S. 8—Pejabat Setia-usaha Persekutuan	10,500
S. 11—Perangkaan	27,523
S. 21—Kementerian Luar Negeri	1,322,901
S. 41—Kementerian Penerangan dan Penyiaran	10
S. 42—Radio	10
S. 44—Penerangan	500,050

menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Keterangan² yang jelas dalam perkara ini telah pun ada dalam Command Paper 52 dan 53, 1966, dan sebab itu saya rasa tidak-lah mustahak bagi saya menjelaskan lebih lanjut lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon Kepala² itu menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengambil bahagian sedikit dalam S. 7, Pechahan-kepala 80, tentang Pemberian kepada Lembaga Peranchang Keluarga Kebangsaan. Saya ingin minta penjelasan sedikit sahaja bagaimana-kah chara-nya Lembaga ini menjalankan tugas-nya bagi meranchangkan keluarga di-negeri kita ini, ada-kah dengan chara menyebarkan pemakaian pill² di-serata tempat atau dengan nasihat² yang lain? Dan jika pill² ini memang telah di-beri patut-lah di-beri penyiaran yang lebar supaya banyak orang dapat faedah menggunakan pill² peranchang beranak ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, tentang Pechahan-kepala 81—Pertandingan Berzanji. Pertandingan ini telah diadakan dari semenjak dua tahun yang lepas. Satu perkara yang agak baik juga kerana berzanji ini ada-lah bacaan pujian² di-atas kelahiran Nabi Muhammad (s.a.w.). Saya hanya hendak menhadangkan supaya pertandingan berzanji ini yang di-adakan biasa-nya bersamaan dengan masa menyambut Hari Kemerdekaan tidak hanya sa-takat bertanding berzanji sahaja. patut-lah di-gunakan sedikit peruntukan mengambil kesempatan pertandingan berzanji itu untuk mengkaji dan mendalami sejarah Nabi Muhammad (s.a.w.) dan sejarah Islam seluroh-nya. Adakan-lah seminar tiap² tahun dan segi yang penting seminar ini untuk mengkaji segi apa-kah daripada perjalanan Nabi Muhammad (s.a.w.) Junjongan kita dan daripada sejarah Islam yang patut di-utamakan untuk di-ambil contoh bagi pembangunan kita di-negara Malaysia ini.

Saya suka menyentuh Kepala S. 44—Penerangan, ia-itu-lah Pechahan-kepala 3 dan 9 tentang Tata-ra'ayat dan Gerakan Seranta dan Penerimaan. Saya rasa perkara sangat besar yang di-hadapi oleh negara pada masa ini ia-lah tentang Rang Undang² Bahasa Kebangsaan yang baharu di-luluskan pada minggu lepas oleh Dewan ini. Oleh kerana perkara ini di-gunakan oleh beberapa pihak untuk menegangkan suasana di-satengah² kalangan, maka perkara yang pertama sa-kali yang

orang ramai menunggu ia-lah penerangan dan penjelasan yang jelas dari segi Rang Undang² Bahasa Kebangsaan ini. Saya rasa patut-lah—saya tidak tahu apa yang telah di-buat sekarang ini—pada masa ini juga di-ranchangkan oleh Jabatan Penerangan gerakan menerangkan Rang Undang² ini menerusi tata-ra'ayat dan menerusi gerakan seranta di-lancarkan terus daripada masa ini juga dengan tidak berlengah² lagi kerana ra'ayat sedang di-kelirukan oleh sa-tengah² pihak dan kekeliruan ini patut di-hapuskan dengan segera. Kalau Perdana Menteri sendiri telah membuat, menjalankan gerakan memberi penerangan sendiri kepada beberapa tempat kepada beberapa negeri di-Malaysia Barat ini sekarang ini apa-kah peranan Jabatan Penerangan yang lebih utama lagi patut menjalankan peranan ini.

Sa-bagai contoh, Tuan Pengerusi, Radio dan Talivishen juga saya nampak tidak mengambil peranan. Pada malam minggu di-adakan satu forum, suatu perbincangan, saya sentiasa sa-bagai sa-orang yang menengok dan melihat akan perkembangan soal bahasa ini, barangkali perbincangan itu mengenai bahasa, tetapi mengenai sewa rumah, jadi tidak kena langsung. Keadaan chukup tegang, orang ramai maseh menunggu penerangan tentang Rang Undang² Bahasa Kebangsaan ini, tiba² Talivishen—saya bukan chakap hal talivishen kerana tidak ada peruntukan di-sini—contoh sahaja, Talivishen pergi membawa suatu perbincangan tentang sewa rumah. Jadi tidak nampak alat² jabatan yang berkenaan ini merasa perkara ini urgent, pada hal perkara ini patut sangat di-kerah segala alat Jabatan Penerangan, Radio dan Talivishen untuk menerangkan segala aspek daripada Rang Undang² Bahasa Kebangsaan ini supaya hapus-lah segala helah orang² yang hendak mengelirukan hal Rang Undang² ini dan akan hampalah mereka itu baik daripada mereka gulongan Parti Pembangkang atau dari gulongan yang lain yang chuba menang-gok di-ayer yang keroh. Jadi saya minta-lah supaya perkara ini di-beri penerangan oleh segala Kementerian yang berkenaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya suka berchakap sedikit berkenaan dengan Kepala² yang baharu di-kemukakan ini; di-bawah S. 7, ia-itu Prime Minister. Saya suka berchakap sedikit berkenaan dengan Family Planning Board.

Tuan Pengerusi, pada meshuarat² yang lalu, saya telah meminta kepada pihak Kerajaan, supaya memasokkan sama pihak² pembangkang di-dalam perkara ini, kerana, Tuan Pengerusi, masalah Family Planning ini bukan-lah satu masalah yang kita patut pandang dari segi ekonomi sa-mata², tetapi hendak-lah kita pandang juga dari segi keperchayaan dan ugama. Masalah Family Planning yang sa-benarnya bagi Malaysia ini, tidak-lah begitu besar, oleh kerana bahan² mentah dan sumber² kekayaan negara kita ini boleh menchukupi untuk menghadapi perkembangan tenaga manusia, atau pun perkembangan bilangan angka penduduk² di-negeri ini. Tidak-lah mustahak kita takut, sa-bagaimana tiori Maltus yang mengatakan bahawa dunia ini akan berlipat ganda penduduk²-nya dan apabila lipat ganda itu berlaku, maka kita kurang-lah sumber makanan, dan di-masa itu kita akan menderita.

Tuan Pengerusi, kita hendak men-chari satu angka penduduk yang baik bagi negara kita, atau pun optimum population. Itu ada-lah baik. Tetapi mengapa-kah kita tidak mengambil sama pendapat² daripada pihak Pembangkang, tentang apa-kah benar kita berhajat betul menentukan optimum population itu, atau pun kita mesti bekerjasama menengok sumber² makanan dan sumber² kekayaan negeri kita. Dan ini tidak pernah di-bahath. Apa yang di-bahath ia-lah takut angka kita itu lebih banyak daripada angka yang sa-patut-nya bagi negara kita ini. Ini ada-lah satu chachat di-situ.

Dan yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka juga hendak mengatakan bahawa masalah Family Planning, ada kaitan-nya dengan keperchayaan Islam. Dalam Islam pun ada pada asas-nya titek pertemuan-nya yang di-namakan "Al-azlu". Jadi ada-kah "Al-azlu" ini boleh di-samakan, atau pun di-kaitkan dengan Family Planning ini, itu-lah

mustahak-nya pendapat daripada pehak Pembangkang ini di-fikir sama. Dan ini dua tiga kali saya mengemukakan, tidak-lah ada apa² jawapan. Sa-olah²-nya Family Planning ini menjadi tugas bagi pehak Kerajaan sa-mata², tidak kapada Dewan ini dengan sa-penoh-nya.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan berzanji. Saya menyokong apa yang di-sebut oleh sahabat saya daripada Kuala Trengganu Utara. Tetapi saya suka hendak menerangkan lagi sa-kali di-dalam Dewan ini, ia-itu perkara berzanji. Yang sa-benar-nya, Tuan Pengerusi, tak payah-lah kita heboh², besar²kan menjadi satu perkara national. Oleh kerana, kalau-lah Dewan ini sudi mendengar apa erti berzanji, sama ada dari segi bahasa-nya, atau pun dari segi rangkai kalimat (etymology) dan begitu juga kaedah bahasa-nya maka perkataan berzanji ini bukan nama sa-barang kitab—nama kampung macham Kuala Lumpur. Kita bertanding di-Kuala Lumpur, tetapi kalau kita bertanding novel itu, membacha, sedap juga. Jadi erti-nya kita membelanjakan wang kita sampai \$14,000 atau pun lebeh lagi, kerana membacha sajak atau pun novel, yang kita tidak mengerti perkara itu. Jadi ini menjadi satu tradition yang tidak baik kapada negara kita, sa-hingga orang menyangka bahawa berzanji itu menjadi satu perkara yang besar. Ini dunia luar memandang kapada kita.

Mr Chairman: Saya suka hendak mengingatkan, kita dalam Jawatankuasa. Jadi fasal berzanji, cherita² panjang, tidak usah-lah saya hendak dengarkan fasal wang, chukup tak chukup.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya akan ringkaskan, Tuan Pengerusi. Dan berkenaan dengan Pechahan-kepala 18, ia-itu peruntukan sa-banyak \$80,000 bagi lawatan Vice-President India ka-negeri ini. Saya menyokong peruntukan ini, dan saya mengambil kesempatan menguchapkan terima kasih, oleh kerana saya pernah juga di-beri peluang menjadi tetamu Kerajaan India, dalam lawatan saya ka-Timor Tengah. Dan kebetulan pula, apabila Vice-President itu datang sini, dapat melawat negeri Kelantan tempat

saya bertanding, supaya dia dapat melihat yang sa-benar-nya apa dia negeri Kelantan itu.

Di-bawah Head S. 11, ia-itu Perangkaan. Tuan Pengerusi, saya dukachita oleh kerana pada tiap² tahun kita meminta tambahan kapada jabatan ini, atau pun kapada Kepala ini. Dan saya mengharapkan perangkaan itu hendaklah di-buat di-dalam semua lapangan. Ini amat-lah mustahak bagi perkembangan, atau pun development negeri kita, sama ada dari segi buroh² yang menganggor, dari segi pelajar² sekolah, dari segi bilangan angka industry, factory² dan sa-bagai²-nya. Walau pun sa-tengah² itu patut di-buat oleh Kementerian itu, tetapi perangkaan ini patut-lah terkumpul di-Pejabat Perangkaan.

Berkenaan dengan S. 21, ia-itu di-bawah Kementerian Luar Negeri (Pechahan-kepala 40 sampai 42) ia-itu kita sudah mempunyai hubongan diplomatik dengan Lebanon. Tuan Pengerusi, saya menchadangkan supaya menambahkan lagi angka pemberian ini, supaya di-Lebanon itu kita mempunyai kedutaan yang penoh, memandang kapada dudok-nya negeri Lebanon itu sa-bagai tempat perhubungan international.

Di-bawah Pechahan-kepala 42 ia-itu perwakilan ka-Perhimpunan Agong Bangsa² Bersatu. Tuan Pengerusi, pada masa² yang lalu Kerajaan menghantar sama pehak Pembangkang pergi kasana, tetapi pada tahun ini nampaknya kalau saya tidak silap, tidak ada langsung yang dia menghantar, patut-lah hantar sama supaya pehak Pembangkang boleh menengok apa yang berlaku di-sana dengan sa-benar. Tidak-lah mereka itu berchakap hanya berdasarkan kapada akhbar² sahaja.

Akhir sa-kali berkenaan dengan Head S. 41 ia-itu berkenaan dengan Radio dan Talivishen yang kita hendakkan \$23,000 bagi perjalanan Pegawai² Penerangan. Saya suka perkara ini di-chergaskan lagi untuk memberi keterangan² tentang perkembangan negeri kita pada masa ini. Tetapi saya tidak-lah bersetuju bahawa kechergasan itu di-pusatkan kerana

bahasa kebangsaan. Dan tidak-lah benar bahawa pati² kami ini akan mengambil kesempatan untuk menggunakan peluang ini kepada benda yang tidak baik. Tetapi apa yang kami lakukan ia-lah sa-mata² kami mengeluarkan pendapat kami kepada orang ramai dan pendirian kami terhadap satu² perkara, dan ini tidak-lah patut pehak Kerajaan memandang satu derhaka atau pun jenayah. Begitu juga Radio dan Talivishen yang saya dapati pada waktu ini nampak-nya sudah hendak menggunakan dengan chara yang menyeleweng. Hal itu tidak mustahak lagi, Tuan Pengerusi, oleh kerana Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri kita sendiri pun mengatakan ra'ayat sudah faham chukup dan tidak mustahak lagi dia melawat di-negeri² jadi tidak-lah patut di-gunakan kesempatan itu.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap sedikit sahaja dibawah Head S. 7 ia-itu Pechahan-kepala 80 berkenaan dengan pemberian kepada Lembaga Peranchang Keluarga Kebangsaan. Saya perchaya sa-paroh daripada wang ini akan diguna untuk membeli pil yang akan di-peredarkan kepada mana² keluarga yang ingin menggunakan chara² ini untuk meranchangkan keluarga-nya. Apa yang saya khatir, Tuan Pengerusi, ia-lah kerana pil ini barangkali akan di-beri dengan sa-chara perchuma atau pun dengan harga yang murah. Pada masa sekarang ini tidak ada satu undang² yang menchegeh kedai² yang tidak ada pharmacist menjual pil² ini. Siapa juga dapat membeli pil² ini di-mana² kedai dan kalau-lah Lembaga ini memberi pil dengan chara perchuma kepada sa-tengah² orang boleh jadi ada orang² yang akan menjualkan balek pil² ini dengan harga yang murah kepada kedai² yang tidak berlesen dan pil ini akan di-jual pula balek kepada lain² orang. Jadi saya berharap jika Kerajaan ingin menggunakan peruntokan ini untuk memberi pil² kepada orang² yang ingin meranchangkan keluarga-nya patut-lah Kerajaan mengawasi soal penjualan pil di-serata² kedai di-Malaysia ini yang tidak berlesen. Pil ini sangat-lah berguna untuk peran-

chang keluarga tetapi kalau tidak di-jaga pil ini juga boleh di-salah gunakan, umpama-nya saya telah dengar ia-itu banyak daripada orang² yang belum kahwin juga telah membeli pil ini. Jadi ini satu perkara yang tidak baik, jadi patut-lah kita jaga baik² tentang penjualan pil ini dan jaga pengeluaran pil ini daripada Lembaga Peranchang Keluarga.

Berkenaan dengan pekerjaan Peranchang Keluarga ini saya ingin menerangkan sedikit sahaja, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kerja-nya meranchang bukan-lah berma'ana mengurangkan bilangan anak sa-mata². Ada masa-nya meranchangkan berma'ana menambah bilangan anak. Umpama-nya ada sa-tengah orang yang tak dapat anak banyak yang ingin supaya dapat anak banyak. Ya'ani menjadi satu daripada tugas Lembaga Peranchang Keluarga juga memberi nasihat tentang chara² melebihi bilangan anak. Juga satu daripada kerja Peranchang Keluarga ini ia-lah menjarangkan antara satu anak dengan satu anak yang lain. Jadi kalau orang di-Kelantan ingin kepada 10 orang anak jangan-lah sampai 10 orang itu di-dalam 10 tahun, jadi kalau ambil 20 tahun tidak-lah berapa terok bagi ibu-nya, terima kaseh.

Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang): Mr Chairman, Sir, I wish to speak on Sub-head 7, Administration of the Prime Minister's Department, and I would not take very long. Sir, the Administration of the Prime Minister's Department has allowed many public holidays in our country. We have multi-religious public holidays; we have birthday holidays for our Heads of States and for our Sultans. However, Sir, there is one public holiday that I feel strongly (*Interruption*). Sir, there is one holiday that I feel is very important to our country

Mr Chairman: It does not touch the subject of Public Holidays at all.

Tuan Tan Toh Hong: Under Administration, Sir, the Administration gazettes all the public holidays, Sir

Mr Chairman: I do not think it does, particularly the amount has already been spent.

Tuan Tan Toh Hong: Yes, but I feel that there are certain amounts of money that ought to be spent, and that is to make the public holiday

Mr Chairman: But that is not at this stage. Such money that ought to be spent takes a different colour completely.

Tuan Tan Toh Hong: But, Sir, this is to declare Tunku's birthday, the birthday of our Prime Minister, as a public holiday for which I feel our money ought to be spent since, particularly, Sir, the Tunku has done a great deal for our country. For Britain there was Churchill, for India there were Gandhi and Nehru and for Malaysia, Sir, there is the Tunku

Mr Chairman: Which Tunku are you referring to? (*Laughter*).

Tuan Tan Toh Hong: Tunku Abdul Rahman, our Prime Minister, Sir, (*Laughter*). Our Prime Minister has led our country (Malaysia) with her diverse races from (1) communist emergency, (2) from British colonialism, and (3) from confrontation to the green pastures of nationhood. Now, in respect of the National Language Bill, our beloved Prime Minister has led our people of various racial origins away from extreme emotionalism. Even, Sir, a local leftist and trade unionist has called our Tunku a "unique man", and I think, Sir, a man so much respected and loved by our people should deserve to have a public holiday to commemorate him. Thank you.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): Mr Chairman, Sir, I refer to Head S. 11—Statistics. Sir, although the Statistics Department is a very important Department, dealing with the statistics of our country's resources, imports and exports etc., I see that it has been housed in a building, which is a disgrace to our nation. Sir, the Research Section is being housed in an old building, part of which was used previously by the

Public Services Commission and is now being demolished, but the remaining part, which was used and is being used by the Statistics Department, still remains although the other section, that is the Registration of Rubber Estates Section etc. has been shifted somewhere else.

Sir, the Registration of Rubber Estate Section of the Statistics Department is being shifted to a disused ward of the Tanglin Hospital. It is in a corner of that part of Young Road, which is totally obscured by the other offices, and it took me nearly half an hour, two days ago, to look for the office; and there is no board whatsoever to direct anybody to that part of the Registration Office.

Another thing which surprise me, Sir, is how large number of clerks, staffs work in that building with pillars all round the office. I can see a few ceiling fans there, and I do not think the ceiling fans could ventilate any of the clerks there, because most of the clerks work behind the pillars which get all the air from the ceiling fans. I hope, Sir, that since this Department is such an important Department, which has dealings with the public that a new building will be found to house this Department, and all the sections of the Department be put together and not separated as at present—one section under one building and another section in another building.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, kebanyakan daripada Ahli² Yang Berhormat telah mengeluarkan fikiran yang berguna tetapi dukachita-nya lebeh daripada perkara yang kita bahatkan pada pagi ini iaitu perkara² yang telah di-belanjakan oleh pehak² Kerajaan dan bukan perkara yang hendak di-buat pada masa yang akan datang. Walau macham mana pun suka-lah saya member i sadikit jawapan kapada beberapa perkara yang tertentu terutama pandangan yang telah di-buat oleh Yang Berhormat Ahli dari Kuala Trengganu Utara dalam perkara Peranchang Keluarga. Saya di-beritahu Peranchang Keluarga ini menjalankan kerja²-nya

ia-lah termasuk memberi ubat² kepada mereka yang berkehendakkan sama ada dengan chara perchuma atau pun dengan bayaran yang murah dan juga memberi penerangan berkenaan dengan chara² meranchang keluarga ia-itu sama ada untuk mengurangkan atau pun hendak menambahkan anak.

Ahli Yang Berhormat daripada Bachok memberi pandangan kenapakah ahli dalam Peranchang Keluarga ini tidak ada pehak Pembangkang duduk bersama. Jadi saya suka-lah menyatakan ini bukan-lah satu jawatan-kuasa khas yang berhubung dengan politik dan ahli² jemaah itu pun bukan kerana dia itu kebetulan parti pemerintah duduk di-situ tetapi sa-mata² dari segi perubahan dan kemasyarakatan. Apa yang saya bimbangkan lagi ia-lah barangkali juga peranchang keluarga ini lebih mengutamakan perkara mengurangkan keluarga daripada melebihi keluarga, ada Parti Pembangkang itu kalau pun ada timbul soalan pula kalau kurang keluarga ini nanti pengundi pehak pembangkang makin berkurangan nanti. Itu pun satu daripada sebab yang patut di-ingat oleh pehak Pembangkang.

Berkenaan dengan Berzanji, saya diberitahu pada kali ini di-adakan mengambail sempena hari keputeraan Nabi Muhammad (s.a.w.) ia-itu berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara. Dalam perkara Jabatan Penerangan memainkan peranan yang lebih tegas lagi untuk memberi penerangan Undang² Bahasa Kebangsaan suka-lah saya menarek perhatian Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara ia-itu pada hari keesokan-nya sa-lepas Yang Amat Berhormat Menteri membuat ucapan di-sini penchitakan risalah² mengenai ucapan yang Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah di-sebarkan dan saya tahu pada malam itu juga pehak Jabatan Penerangan telah bekerja bertungkus-lumus menyiapkan kerja² itu. Ini ia-lah satu daripada tanda bagaimana kesunggu-

han Jabatan Penerangan ini membuat ranchangan² untuk memberi penjelasan.

Sa-lain daripada itu juga saya diberi tahu ia-itu dalam tempoh seminggu ini mula² daripada minggu ini unit² penerangan Jabatan Penerangan, wayang gambar dan lain² lagi akan di-perentahkan supaya pergi kakampong² untuk menerangkan dengan jelas dalam perkara Undang² Bahasa Kebangsaan ini supaya memberi fahaman lagi kepada orang² kampung terutama kepada tempat² yang barangkali di-hasuti atau pun di-masoki oleh anasir² yang di-katakan sa-bagai pengkhianat kepada bahasa ini dan saya harap-lah Ahli Yang Berhormat dari Bachok datang waktu penerangan itu supaya dapat lebih faham lagi jika barangkali ada ketinggalan apa².

Berkenaan dengan pandangan² Yang Berhormat Ahli dari Bachok supaya Kedutaan di-Lebanon itu di-adakan suka-lah saya mengatakan perkara ini patut di-bangkitkan waktu persidangan perbekalan biasa dahulu bukan dalam masa perbahathan belanja tambahan ini. Jadi susah-lah hendak jawab ini bukan dalam perkara-nya.

Bagitu juga pandangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dalam perkara Public Holidays ia-itu patut di-adakan hari kelepasan awam pada hari keputeraan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri. Saya sendiri sangat-lah bersetuju pandangan bagitu tetapi ini juga saya rasa Ahli Yang Berhormat itu barangkali ketinggalan oleh kerana bagaimana saya terangkan tadi kita sekarang ini sedang membahatkan Undang² Tambahan Perbekalan. Patut-lah Ahli Yang Berhormat itu membawa, saya chadangkan, pada masa akan datang ini pada tempoh yang tertentu akan chadangan yang sangat bergeliga ini.

Berkenaan dengan statistics ia-itu bangunan ikut kata daripada Ahli² Yang Berhormat dari Bagan satu bangunan sangat sudah tua dan memalukan. Memang-lah saya rasa ini satu perkara yang sangat di-sedari tetapi ingin juga saya menarek pandangan Dewan ini terutama ahli² daripada Pembangkang bagaimana

jimat-nya pehak Kerajaan ini dalam menggunakan duit sa-hingga sa-buah pejabat statistics yang sangat berguna duduk pula di-bawah Perdana Menteri dapat bersabar dengan keadaan sekarang ini oleh kerana ada keinsafan dan kesedaran pehak Perbendaharaan dalam perkara berjimat chermat ini. Jadi ini saya rasa walau pun kita sedar kesusahan ini, tetapi kita patut bangga akan kesungguhan Kerajaan menggunakan wang itu dengan chukup sederhana dan chukup sentiasa memikirkan dalam perkara yang sangat memberi munafaat sahaja. Saya perchaya perkara ini akan di-ambil pandangan berat oleh pehak yang berkenaan.

Question put, and agreed to.

The sums of:

- \$110,011 for Head S. 4,
- \$528,133 for Head S. 7,
- \$10,500 for Head S. 8,
- \$57,523 for Head S. 11,
- \$1,322,901 for Head S. 21,
- \$10 for Head S. 41,
- \$10 for Head S. 42, and
- \$500,050 for Head S. 44

ordered to stand part of the Schedule.

Head S. 14—

The Assistant Minister without Portfolio (Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman): Mr Chairman, Sir, with your permission, I propose to take Head S. 14, Ministry of Commerce and Industry, and beg to move that the sum appearing thereunder be approved.

Head S. 14, Item 19-A, Contribution to National Productivity Council. The National Productivity Centre at Petaling Jaya is now under the management of the National Productivity Council constituted under the National Productivity Council (Incorporation) Act, 1966. Therefore, the administrative expenses of the Council for the period 1st July to 31st December, 1966, has to be provided by means of a grant. A new sub-head for this purpose under the Ministry of Commerce and Industry is, therefore, created with a sum of

\$91,240, which can be obtained by means of transfer of the unexpended balance in the original provision for the National Productivity Centre.

A token sum of \$10 is required to signify the change of procedure.

Head S. 14, Item 89-F, First Asian International Trade Fair in Bangkok. The Fair was organised by the Royal Government of Thailand with the full support of ECAFE. The purpose of the Fair was to provide the opportunity to increase trade within Asian countries and the rest of the world, besides promoting better understanding among other developing Asian countries. Malaysia's participation in the Fair was directed towards increasing trade with Asian countries, publicising our industrial progress, promoting good neighbourly understanding and goodwill with Asian countries and projecting an economic image to induce foreign investment in our country. A sum of \$120,000 is required to meet the cost of participation.

Head S. 14, Item 89-G, Assistance to the Floating Trade Fair. A sum of \$50,000 was provided for assistance to the Malaysia Floating Trade Fair organised by the Malaysian Manufacturers Association in order to meet payment of customs duties on Malaysian-made goods at different ports of call. The Made-in-Malaysia Floating Trade Fair was successfully organised and brought home to a large number of Malaysians a wide variety and competitive quality of Malaysian-made goods.

Sir, in conclusion, I beg to move that the sum be approved.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, dengan izin Tuan, saya turut berchakap sadikit di-bawah Head S. 14—Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ia-itu di-bawah Pechahan-kepala 24, Contribution to National Productivity Council di-Petaling Jaya mengikut Command Paper No. 53 of 1966 yang di-mintakan Token sa-banyak \$10.

Saya merasa dukachita oleh kerana pehak Kerajaan tidak dapat memberi naskhah² berkenaan dengan perkembangan Centre ini daripada satu masa ka-satu masa, ada-lah amat mustahak bagi Ahli² Dewan Ra'ayat terutama sa-kali bagi pehak saya sa-bagai Pembangkang untuk turut mengetahui perkembangan² berkenaan dengan Pusat Pengeluaran ini tetapi sa-hingga ini belum-lah saya dapat apa² ma'alumat atau pun naskhah² yang patut di-edarkan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, di-bawah Pechahan-kepala 25 di-bawah Command Paper yang ini juga ia-itu First Asian International Trade Fair di-Bangkok. Saya berpeluang turut melihat Trade Fair itu tetapi yang mendukungkan saya ia-lah tempat atau pun gerai pertunjukan itu terletak di-antara dua gerai yang paling besar—di-hadapan-nya Indonesia dan di-belakang-nya saya lupa daripada negeri mana-kah. Jadi gerai kita itu dudok-nya di-tengah². Maka oleh kerana gerai kita itu kecil ramai sa-kali orang yang lalu-lintas di-situ tetapi tidak menengok sa-mata² sa-bagai jambatan daripada gerai Indonesia kepada gerai² yang itu sa-olah² jambatan kecil, jambatan sentoh di-Kuala Lumpur itu sahaja.

Dan lagi, Tuan Pengerusi, saya dapati bukan sahaja kurang tetapi amat-lah kurang pegawai² yang menjaga di-situ, sama ada daripada pehak laki²-nya atau pun pehak perempuan, dengan demikian banyak-lah orang ramai tidak bagitu faham benda² yang kita kemukakan, tetapi di-gerai² lain, Tuan Pengerusi, dengan rengas-nya saya suka hendak menceritakan pegawai² yang menjaga itu terdiri daripada pemuda² yang very handsome dan pemudi² yang very enchanting. Jadi itu kesemua boleh menarek orang² supaya dapat melihat barang² itu tetapi kita tidak ada langsung perkara itu. Saya harap pada masa² yang lain dapat Kerajaan kita memperelokkan lagi.

Ada pun berkenaan dengan Floating Trade Fair ini, Tuan Pengerusi, kurang barang² kita dan orang² yang pergi ka-situ tidak dapat langsung hendak

menengok keindahan gerai kita itu kerana perkara² lain di-dalam Floating Boat itu yang lebeh menarek mata manusia daripada barang² kita sa-patut-nya di-tempat² yang menarek pandangan itu hendak-lah benda² baharu yang berwarna-warni lebeh banyak daripada benda² yang di-simpan di-dalam bungkusan. Itu-lah pandangan saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Mohamed Idris bin Matsil (Jelebu-Jempol): Tuan Pengerusi, dalam Head S. 14 Pechahan-kepala 89-F, ia-itu berkenaan dengan Pertunjukan Perdagangan Antarabangsa Pertama Asia di-Bangkok bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi, peruntukan sa-banyak \$120,000, saya dapati kerana saya sempat juga melawat Trade Fair itu, mengikut keadaan negara kita yang muda sudah sesuai-lah keadaan yang dapat di-tunjokkan di-Bangkok pada masa itu dan saya mengikut perkara yang di-fahamkan ada-lah memandang tinggi kepada pegawai² kita di-Bangkok kerana kekurangan pegawai² di-sana mereka terpaksa bekerja siang dan malam menyiapkan barang² untuk di-per-tunjokkan di-Trade Fair itu.

Kemudian satu perkara, Tuan Pengerusi, saya meminta penerangan atau penjelasan, kalau perkara ini benar ia-itu sa-bahagian daripada barang² yang hendak di-perjunnjokkan di-Trade Fair itu telah hilang dalam masa transit. Kalau-lah benar perkara ini saya meminta penjelasan, ada-kah benda² atau barang² yang di-pertunjokkan itu di-insurancekan. Kalau di-insurancekan, saya meminta juga penerangan, adakah telah dapat kembali bayaran insurance kerana barang² yang telah hilang di-dalam transit ya'ani daripada Malaysia ka-Bangkok. Sekian-lah sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman: Tuan Pengerusi, bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Bachok, sukachita saya mengatakan naskhah² telah pun di-keluarkan oleh Pusat ini. Barangkali Yang Berhormat sendiri belum dapat peluang mendapatkan-nya dan saya harap kalau Yang Berhormat

sendiri mengambil usaha sedikit untuk berhubung dengan pihak yang berkenaan berapa banyak naskah Yang Berhormat mahu bolehlah di-berikan, kalau satu lebih² lagi senang.

Berkenaan dengan gerai² kita ini kecil, kita mesti ingat-lah bahawa pada hari ini kita kegentingan kewangan, pihak² Pembangkang Yang Berhormat sendiri selalu menuduh Kerajaan bertalu² membazirkan wang, hendaklah chermatkan wang. Jadi Kerajaan sendiri pun telah berazam hendak mengurangkan perbelanjaan dengan sa-boleh²-nya, jadi oleh sebab itu Kerajaan kena-lah mengadakan gerai yang berpatutan untuk mendapatkan hasil yang sa-besar²-nya dengan perbelanjaan yang kecil yang kita keluarkan.

Kita jangan-lah pandang kepada besar atau kecil-nya gerai itu, sebab apa, kalau kita bandingkan-lah seperti biasa chabai² yang besar itu pun bukan-lah mesti pedas, chabai yang kecil, chabai Melaka itu lebih pedas. Jadi kita kena-lah ingat jangan-lah kita bandingkan gerai itu besar atau kecil, kita mesti pandangkan di-atas hasil yang kita boleh dapati daripada usaha² yang kita jalankan.

Berkenaan dengan pegawai² kita itu tidak banyak, Yang Berhormat dari Jelevu-Jempol telah pun memberi penjelasan dan saya ucapkan terima kasih-lah bagi pihak Kerajaan kepada Yang Berhormat dan saya harap Yang Berhormat dari Bachok pun dapat-lah terima penjelasan itu tetapi kesemuanya ini terpulang-lah kepada fikiran masing².

Tentang handsome tak handsome pegawai atau pun orang² yang bekerja itu, itu terpulang juga kepada pandangan dan pemilihan masing²—"one man's food is another man's poison". Tetapi dalam perkara ini tidak usahlah pandang ada-kah orang² yang bekerja itu handsome tidak handsome, kalau kita hendak bandingkan orang² kita dengan orang² Thai semua itu payah-lah sedikit. Jadi saya ingat soal handsome itu tidak boleh di-bangkitkan sama sa-kali, yang mustahak ia-lah apa

kesan, apa hasil yang kita boleh dapat daripada usaha² orang² kita itu.

Berkenaan dengan tegoran daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelevu-Jempol, barang² hilang dalam *transit*, saya ingat perkara ini boleh-lah kita siasat dan, kalau di-dapati benar, saya perchaya oleh sebab barang² yang kita kirimkan itu ia-lah telah pun di-insurancenkan, ia-itu kita telah ambil insurance di-atas barang² itu dan tentu-lah kalau benar kita boleh-lah dapat bayaran balek di-atas kehilangan barang² itu. Sekian-lah sahaja, terima kasih.

Question put, and agreed to. The sum of \$170,010 for Head S. 14 ordered to stand part of the Bill.

Head S.17—

The Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister (Tuan Chen Wing Sum): Mr Chairman, Sir, I beg to move that a sum of \$10 appearing under Head S. 17, Ministry of Defence, be agreed to.

Sir, during the Indonesian confrontation, a number of personnel of the Volunteer Reserves, i.e. the Territorial Army, the Royal Malaysian Naval Volunteer Reserve and the Royal Malaysian Air Force Volunteer Reserve, were called up for full-time service in the defence of the country. A few of those, who were called up, were earning higher incomes in the civilian employments and, therefore, suffered loss of income as a result of being called up. Under the Local Forces (Civil Liability) Ordinance, 1953, such persons could make representation to the Government, if they suffered financial hardship by reason of financial commitments which they could not avoid while serving in the Armed Forces. The money now asked for is required to meet the claims of such persons. Awards to meet claims for relief are made by the Central Tribunal appointed under the Local Forces (Civil Liability) Rules, 1955.

Only a token sum of \$10 has been asked for because the money required can be obtained by virement from

savings under other Sub-heads of expenditure in the Ministry of Defence Estimates for 1966.

Sir, I beg to move.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, saya menyokong permintaan token ini memandangkan kapada khidmat yang di-beri oleh Angkatan Sukarelawan kita dalam masa konferantasi. Tetapi, Tuan Pengerusi, saya dukachita oleh kerana chara² menolong pegawai² kita yang memberi khidmat sukarela pada hari itu tidak bagitu terator dan sa-hingga timbul rungutan² layanan Kerajaan kapada orang² ini yang meninggalkan kerja² mereka yang asal. Saya tidak tahu apa-kah sebab-nya maka angka permintaan ini sampai kapada Central Tribunal ya'ani satu badan yang meng-hukum supaya patut minta bagitu. Ini menunjukkan bahawa ada rasa gelisah daripada pehak volunteers itu. Saya harap pehak Central Tribunal ini dapat memberi judgement atau pun dapat memberi satu angka yang berpatutan supaya pemberian kapada mereka itu besok tidak bangkit lagi.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Mr. Chairman, Sir, I also wish to support this token vote of \$10. I wish to bring to the notice of the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister that there have been cases where people have suffered hardship. He has told us that if a person in civilian life was, let us say, earning \$500 and in the Army he was only judged fit to get \$250, let us say, the Ministry would send it to the Tribunal to judge whether the Army would pay the difference of \$250 and, by and large, I think it is true to say that the Army has paid the difference as between civilian pay and Army pay. What has been brought to my notice is that there have been a number of cases of men who while in civilian life have earned bonuses—and this is where I think the Army has refused to pay them the bonuses. In one instance that I know of, the person has got half the share of the bonus from his previous employer, but the Army has baulked at paying him the other half of the bonus. This is the

thing that I wish to bring to the attention of the Parliamentary Secretary.

The other thing I wish to bring his attention, of course, is that on the one hand, while confrontation is over, while there naturally should be a run-down of quite a large number of these Territorial Army units, it does seem strange to me that this run-down is not quick enough in consonance with the financial stringency and with the security of the country. If the security of the country warrants it, then there should be a quicker run-down of the people in the Territorial Forces, because then the Government will save money and these people can go back and quickly adjust themselves to civilian life. On the other hand, there are people who have been thrown away to the wolves, so to say, without much notice. The Member for Bachok has brought up instances of this nature, and I myself have brought up instances of people, who have been given almost 24 hours notice to get out of the Territorial Army and other similar Units: and I myself have brought a few instances to the attention of the Parliamentary Secretary to the Minister of Defence, but he, I presume, cannot be bothered by me almost every day by writing to him or ringing him up or sending people to see him. It should be in the interest of the Army itself, or the other defence units in the Air Force and the Navy to see to it that, when you want to discharge people in consonance with the assurance given by the Minister of Defence, these people should be given adequate notice.

Tuan Chen Wing Sum: Mr Chairman, Sir, as to the observations made by the two Honourable Members for Bachok and for Batu, the principle of the compensation is actually based on the difference of loss when they served in their civil capacity as compared with the income they got during the service.

As to the question of bonus, Sir, I emphasise that during emergency, during confrontation, citizens of this country are expected to render a little bit of service. If the Government can afford to pay such bonus, I am sure we will look into this matter.

As to the observations made by the Honourable Member for Batu that Territorial Army and the Reserve Units are not being reduced quick enough, in order to save money and also to give them an opportunity to find alternative posts, Sir, I can assure this House that the Ministry is doing everything humanly possible to deal with this problem.

Question put, and agreed to.

The sum of \$10 for Head S. 17 ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 18, S. 19 and S. 20—

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menhadangkan supaya kepala peruntukan yang berikut ini dari Anggaran Tambahan yang kedua bagi tahun 1966 menjadi sa-bahagian daripada Jadual—Peruntukan S. 18, Kementerian Pelajaran,—\$40.00. Peruntukan 19—Pemberian dan Pemberian Bantuan Pelajaran, \$14,640,073. Peruntukan 20—Pelajaran—Negeri² Borneo \$60,020.

Tuan Pengerusi, wang sa-jumlah \$14,700,133 ada-lah di-kehendaki lebeh daripada apa yang telah di-untokkan sa-banyak \$352,779,390 bagi pelajaran di-bawah tiga Kepala Peruntukan dalam Anggaran Perbelanjaan tahun 1966. Ini akan menjadi jumlah peruntukan bagi pelajaran dalam Anggaran Perbelanjaan tahun 1966 sa-banyak \$367,479,523. Keterangan yang penoh bagi jumlah sa-banyak \$14,700,133 itu ada-lah di-beri dalam muka surat 14, 15 dan 16 Anggaran Perbelanjaan Tambahan yang Kedua, tahun 1966, yang telah di-kemukakan sa-bagai Command Paper No. 52, tahun 1966 dan keterangan bagi peruntukan tambahan yang di-kehendaki itu ada di-beri di-dalam muka surat 11 hingga 14 dalam Memorandum Perbandaraan berkenaan Anggaran Tambahan Kedua ia-itu Command Paper No. 53, tahun 1966.

Tuan Pengerusi, saya boleh-lah meyakinkan Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini ia-itu segala usaha telah pun di-buat untuk menggunakan

wang sa-takat yang mula² di-untokkan kapada Kementerian saya, akan tetapi meski pun begitu telah di-dapati pada penghujung tahun banyak kemudahan² pelajaran baik bagi Malaysia Barat atau pun bagi Malaysia Timor tidak dapat di-adakan, kechuali jika peruntukan wang tambahan di-adakan. Untuk membolehkan sekolah² berjalan dengan lichin hingga akhir tahun wang tambahan terpaksa di-dapati dari Kumpulan Perbelanjaan Luar-Jangka dan sekarang kelulusan Parlimen mesti-lah di-dapati bagi perbelanjaan tambahan itu. Sekarang dengan kebenaran, Tuan Pengerusi, saya akan mengulas dengan ringkas berkenaan peruntukan tambahan yang di-kehendaki untuk tiap² satu daripada Kepala Peruntukan.

Wang sa-banyak \$40 yang di-kehendaki di-bawah Kepala Peruntukan 18 itu ada-lah peruntukan tanda untuk mendapatkan kebenaran Parlimen kerana memindahkan sa-jumlah \$90,454 dari Pechahan-kepala 1—Gaji bawah kepala peruntukan 18 itu ia-itu untuk menambah peruntukan yang telah di-buat pada Pechahan-kepala 19, dan juga untuk mengadakan tiga lagi Pechahan-kepala yang baharu. Dari wang sa-banyak \$90,494,—\$56,224 ada-lah di-kehendaki untuk menambah peruntukan sa-banyak \$390,000 pada Pechahan-kepala 19 ia-itu Pekerja² Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar. Peruntukan ini ada-lah di-kehendaki untuk membayar gaji lebeh masa serta elaun khas dan gaji tunggakan pekerja² kumpulan perusahaan dan buruh kasar Kementerian Pelajaran akibat keputusan mengubah kadar pembayaran mula² dari 1 hari-bulan Januari, 1965. Bagi semua-nya \$34,270 yang di-kehendaki di-bawah tiga pechahan-kepala baharu itu, ia-itu 77, 78 dan 79 ada-lah bagi bayaran berhubung dengan penubohan Pejabat wakil Tetap Malaysia UNESCO di-Paris. Keputusan untuk melantek Wakil Tetap itu dan menubuhkan Pejabat-nya hanya di-ambil pada tahun 1966 dan oleh hal yang demikian perbelanjaan berhubung dengan jawatan serta penubohan pejabat-nya tidak ada dalam perkiraan dalam tahun 1965

apabila Anggaran Biasa itu di-sediakan. Wang sa-banyak \$34,270 itu ia-lah untuk perbelanjaan pentadbiran, membeli perkakas dan alat kelengkapan pejabat serta buku² perpustakaan bagi Pejabat Wakil Tetap itu.

Sa-bagaimana yang telah di-terangkan dalam Memorandum Perbendaharaan berkenaan Anggaran Tambahan Kedua, satu tambahan sa-banyak \$14,640,073 ada-lah di-kehendaki di-bawah Kepala Peruntukan 19. Dari jumlah ini \$9 juta ada-lah di-kehendaki untuk pemberian ka-sekolah² rendah, \$4 juta ka-sekolah² menengah, \$222,073 ka-sekolah menengah yang berasrama, \$500,000 asrama² sekolah dan \$898,000 bagi pengajaran agama di-sekolah² rendah dan sekolah menengah yang di-bantu dan akhir sa-kali \$20,000 bagi membayar tambahan perbelanjaan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam Bulan Bahasa Kebangsaan. Pemberian kapada sekolah² yang berbagai² jenis ada-lah mengikut undang² yang di-tetapkan dan oleh yang demikian tidak boleh di-jimatkan kecuali jika keputusan di-ambil untuk merendahkan perengkat dan mata pelajaran di-sekolah dan menutup beberapa yaysan pelajaran. Oleh kerana Kerajaan ada-lah sangat mengutamakan kemudahan² pelajaran bagi belia di-negeri ini, maka tidak-lah dapat kita mengambil salah satu daripada langkah yang tersebut di-atas itu.

Tuan Pengerusi, akhir sa-kali, wang sa-banyak \$60,020 yang di-kehendaki di-bawah Kepala Peruntukan 20 ia-lah untuk perbelanjaan pelajaran yang bertambah di-Malaysia Timor. Keterangan² mengapa wang sa-banyak itu di-kehendaki ada di-berikan dalam Anggaran Tambahan Kedua dalam Memorandum Perbendaharaan yang tersebut tadi. Dari \$60,020 sa-banyak \$60,000 ada-lah di-kehendaki untuk membantu bayaran pemberian ka-sekolah² menengah bantuan di-Sabah. Perutukan asal yang sa-banyak \$1,600,000 di-bawah Pechahan-kepala 53 tidak menchukupi dan oleh kerana itu juga ada-lah berupa pemberian mengikut undang² yang di-tetapkan, maka peruntukan tambahan yang di-

kehendaki itu tidak dapat di-elakkan. Baki sa-banyak \$20,000 ia-itu ada-lah berupa peruntukan tanda yang di-maksudkan untuk mendapatkan keizinan Parlimen bagi perbelanjaan tambahan sa-banyak \$91,220 yang telah di-belanjakan di-Sarawak, dan yang di-dapati dengan chara perpindahan dari Pechahan-kepala 1—Gaji di-bawah peruntukan 20. Dari wang sa-banyak \$91,220 itu, \$20,010 ada-lah di-kehendaki untuk perbelanjaan yang meningkat bagi bantuan tempat tinggal, asrama, oleh kerana peruntukan asal sa-banyak \$425,000 itu di-dapati tidak menchukupi. Bantuan ini ada-lah di-kehendaki untuk menggalakkan anak² bumiputera Sarawak dari kawasan² luar bandar, supaya bersekolah dan patut saya sebutkan bahawa ramai kanak² itu mengambil kesempatan dari kemudahan² yang di-adakan, walau pun mereka datang dari keluarga yang susah kehidupan. Baki sa-banyak \$71,210 ada-lah di-kehendaki untuk membayar elaun latehan guru.

Peruntukan asal ada-lah sa-banyak \$95,000 tetapi ini di-dapati tidak menchukupi, oleh kerana elaun latehan guru yang di-bayar di-Malaysia Timor telah di-semak sa-mula pada tahun 1966, untuk melaraskan-nya dengan bayaran yang di-buat di-Malaysia Barat.

Tuan Pengerusi, dengan keterangan ringkas ini, tuan, saya mohon menchadangkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, dalam menyokong permintaan bagi Head S. 18, saya suka menarek perhatian Kementerian Pelajaran berkenaan dengan persiapan jabatan perwakilan tetap kita UNESCO di-Paris. Apa yang saya tahu, ia-lah sa-bagaimana yang kita ma'alum, kekurangan pegawai yang betul² dapat menggambarkan kedudukan Malaysia. Oleh kerana itu saya berharap Kementerian ini dapat mengirim sa-kurang²-nya tiga orang pegawai di-bawah satu pegawai yang ada itu, yang dapat menggambarkan pendidikan dan kebudayaan Malaysia yang sa-benar.

Tuan Pengerusi, perwakilan kita bagi UNESCO di-Paris itu, itu-lah yang

sa-benar-nya mencherminikan watak Malaysia ini. Kalau sa-kira-nya pegawai² itu hanya pegawai yang menunggu di-jabatan sahaja, saya rasa itu amat-lah merugikan kita. Begitu juga berkenaan dengan Pechahan-kepala 31 yang berkehendakkan \$1,000 untuk membeli buku bagi library kita di-Paris di-jabatan UNESCO itu, saya lebih suka, sa-kira-nya kalau library itu di-penohkan dengan hasil² karia daripada tempatan kita, bawa pergi ka-sana, supaya orang² luar dapat membacah watak Malaysia.

Ada pun kita membeli buku² chiptaan, atau karangan² chiptaan daripada orang² luar dan kita penohkan library kita itu, maka library kita itu merupakan library biasa. Dan itu boleh kita dapat di-library² yang besar dalam bandar itu sendiri. Apa yang dunia luar hendak tahu berkenaan dengan Malaysia ini ia-lah perkembangan pendidikan dan pelajaran dan hasil² karia di-negeri kita ini, supaya mereka itu dapat membandingkan dengan negeri yang lain. Ini amat-lah mustahak, sebab di-tempat² yang lain atau kedutaan² yang lain walau pun bukan jabatan UNESCO, tetapi mereka itu mempunyai hasil² karia sendiri.

Berkenaan dengan Head 19, ia-itu, saya hendak berchakap sedikit sahaja, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan bantuan sekolah² menengah dan sekolah² rendah. Bantuan yang kita beri atau pun grant—pemberian—yang kita beri kepada sekolah² rendah, Tuan Pengerusi, ada-lah satu perkara yang baik. Tetapi yang kita hadapi sekarang ini ia-lah berkenaan dengan buku² sekolah ia-itu text book. Walau pun perkara ini sudah di-perkatakan sejak daripada belanjawan, perbahathan belanjawan, sampai kepada perbahathan pembangunan dan sampai juga dalam perengkat jawatan-kuasa-nya, tetapi ini patut di-ulangkan balek. Sabab kalau kita memberi wang sa-mata² dan wang itu di-guna untuk menjalankan sekolah itu, tetapi text book, atau pun benda yang hendak di-pelajari oleh murid² itu tidak terator, maka tujuan daripada education itu sendiri tidak dapat terchapai. Bangunan yang elok sahaja tidak

menchukupi ia-itu bangunan yang elok sa-mata² menolong budak² itu mendapat pelajaran.

Berkenaan dengan sekolah menengah, pemberian kita itu patut-lah kita tujukan kepada alat² saperti sains dan alat² lain, chontoh² yang kena mengena dengan sejarah dan geography.

Sa-tengah²-nya, Tuan Pengerusi, sekolah² menengah itu tidak mempunyai langsung kemudahan² yang samacham itu. Jadi dengan demikian, budak² ini amat-lah susah hendak lulus pereksa, walau pun L.C.E. Sebagai satu chontoh, Tuan Pengerusi, di-sekolah menengah Inggeris Bachok di-tempat saya, pada tahun 1965, hasil pepereksaan L.C.E., yang masok pereksa lebih kurang 130 orang. Yang lulus tidak sampai 25 orang. Tetapi pada tahun 1966 yang tidak lulus ia-lah lebih kurang 30 orang, tetapi yang lulus-nya ia-lah 100 lebih—sudah terbalek. Saya menjadi sa-orang Ahli Jawatan-kuasa dalam Board of Governors itu. Saya menyiasat, bahawa bukan-lah kerana Guru Besar yang dahulu-nya tidak chekap. Dan juga bukan-lah kerana guru² pada tahun 1965 itu malas, tetapi oleh kerana tidak chukup kelengkapan yang samacham ini, menyebabkan 100 orang lebih tidak lulus dan budak² ini sudah tentu tidak dapat hendak pergi kama². Itu satu daripada yang banyak. Boleh jadi di-tempat² yang lain lagi banyak example yang sa-macham itu, dan patut-lah Kerajaan memandang berat dalam perkara ini.

Sa-lain daripada itu menukarkan guru sekolah menengah ini, Tuan Pengerusi, sedikit saya hendak masokkan walau pun agak-nya tidak tepat, saya masok chuma saya hendak memberitahu kepada Kementerian ini ia-itu guru² pada akhir tahun sekolah menengah ia-itu tahun yang keenam yang mengajar darjah lima kemudian sa-patut-nya dia mengajar juga pada tahun keenam ia-itu tahun yang terakhir yang hendak masok sekolah menengah biasa-nya di-tukar guru² itu pergi kasekolah lain jadi usaha² yang guru² itu buat untuk hendak mengadap tahun 1966 bagi membolehkan murid² itu

masuk ka-sekolah menengah semua-nya terbelengkalai terutama berkenaan guru² yang khusus bagi ilmu sains.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, ia-lah yang terakhir sa-kali ia-itu chara kita membuat peratus membenarkan murid² di-sekolah rendah masuk di-dalam peperiksaan hendak pergi ka-sekolah menengah ia-itu ada baik-nya juga tetapi ada tidak baik-nya chara yang di-buat bagitu. Ada baik-nya ia-lah apabila kita memberi peratus kepada tiap² sekolah itu ia-itu sekolah ini boleh menghantar 3 orang atau 4 orang, ada baik-nya ia-lah kerana sekolah itu mendapat peluang mengirimi budak² pergi belajar di-situ, tetapi ada tidak baik-nya pula, Tuan Pengerusi, kalau sekolah itu maju dia juga berhak menghantar 4 orang, dan sekolah yang tidak maju berhak juga menghantar 4 orang. Apabila masuk pereksa budak yang maju ini lulus yang tidak maju 4 orang ini tidak lulus, dengan demikian peluang untuk 4 orang ini sudah hilang bagitu, pada hal budak² yang dapat nombor 10 atau 11 di-sekolah yang maju, lebih baik lagi daripada budak yang nombor 1 di-sekolah yang tidak maju dan ini, Tuan Pengerusi, merugikan sekolah². Saya lebih suka kalau di-pilih daripada sekolah² itu mengikut angka yang murid itu dapat dengan tidak peduli sama dia di-sekolah maju atau tidak maju. Jadi chalun² yang hendak pereksa itu ia-lah mengikut darjah yang mereka itu dapat tidak mengikut proportion atau pun bahagian yang di-untukkan kepada sekolah.

Chontoh-nya, Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu ia-itu saya ada 2 orang anak daripada 8 yang masuk sekolah ia-itu yang besar-nya kerana dia duduk di-sekolah yang maju maka dia tidak dapat mewakili sekolah-nya pada hal markah-nya lebih baik daripada yang dapat nombor 1 di-sekolah lain. Oleh kerana hal ini adek daripada-nya sudah lari daripada sekolah yang maju itu pergi ka-sekolah yang lain dan dia dapat mewakili sekolah itu dan dia sudah dapat markah yang lebih tinggi daripada sekolah² lain yang dapat nombor 1 yang dapat nombor dua dan sekarang sudah masuk ka-sekolah

S.T.A.R., Ipoh. Ini menunjukkan bahawa peluang yang sa-benar-nya tidak mengikut sekolah tetapi mengikut markah yang budak itu dapat. Ini sudah berlaku, saya berharap-lah Kementerian ini menyemak sa-mula dan mengkaji tentang sistem memberi proportion atas nama sekolah dan lagi satu sistem proportion atas markah yang budak itu dapat.

Dr Tan Chee Khoo: Mr Chairman, Sir, I wish to speak a little on Head S. 19—Education Grants and Subventions. Sir, when I made the allegations about corrupt practices in connection with electrical installations in comprehensive schools, I very carefully used the words "civil servants". But unfortunately, the *Sunday Times* yesterday quoted me as using the words "education officers" all the way through. Consequently, yesterday, I dashed off a letter and sent it yesterday to the Editor of the *Straits Times*, and I wish to read it. It reads:

"The Editor,

Straits Times, Kuala Lumpur

Dear Sir,

In your report on the Dewan Ra'ayat proceedings of 4th March, 1967, that appeared in the *Sunday Times* of 5th March, 1967, you quoted me as calling for an official enquiry into alleged malpractices by unscrupulous contractors and education officials. You also quoted me as saying that large sums of money intended for the work was going into the pockets of Ministry of Education officials and contractors. I wish to point out that I did not at any time use the words "Education Officials". The words I used were, "Civil Servants". Unfortunately, your correspondent wrongly equated them with education officials. I was clearly referring to certain high officials of the N.E.B. But I could not even make a passing reference to them as the Supplementary Supply Bill that we were debating, did not contain any allocation for the N.E.B.

I trust you would publish this letter to correct an injustice done to Education officials."

c.c. The Minister of Education,

The Permanent Secretary to the Ministry of Education."

Now Mr Chairman, Sir, I hope, if there is any heart burning on the part of Ministry of Education officials, it is not

my fault, and I hope that the Press will put this right because in today's *Straits Times* I see that they have not made this correction.

Sir, I agree wholeheartedly with the Assistant Minister of Education when he replied that this had nothing to do with his Ministry. I do know that the construction of schools is the job of the P.W.D. But, Sir, my only justification for speaking on this is that the vote comes from the Ministry of Education and, consequently, amongst the other things, the Ministry of Education officials should see that their votes are not wasted, or are used for the purpose it was not intended to be. Now, I wish to say to the Assistant Minister of Education again that this trouble lies not with the P.W.D. because, from the correspondence that I have in my possession. I do know that they are blameless, but that it lies with certain corrupt officials in the N.E.B., and I call again on the Assistant Minister of Education, since I am only speaking on Education, to liaise with the Minister of Commerce and Industry, as I have done on Saturday, so that they will form a committee of enquiry to enquire into or what at least I think are corrupt practices in connection with the construction of comprehensive schools up and down the country. Now, these sums of money that are involved run into tens of thousands. If I am not mistaken, if a careful costing were to be made, it may well run into millions, because the Ministry of Education is spending millions on the construction of schools, and it behoves the Ministry of Education not just to take the bills presented by the P.W.D. or by the N.E.B. but to see that every item of expenditure is a justifiable one and to see whether they can make savings out of what particularly I am referring to now in this case, of electrical installations, where the charges are far in excess of current rates. Thank you.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): (Bangun).

Mr Chairman: Panjang-kah?

Tuan Ahmad bin Arshad: Pendak—
Tuan Pengerusi. Saya berchakap dalam

Head S. 19, pemberian kepada sekolah rendah, sekolah menengah dan juga pemberian kepada sekolah agama. Lagi satu saya akan berchakap dalam Pechahan-kepala 18, Bulan Bahasa Kebangsaan, saya sekalikan dengan chara ringkas.

Mr Chairman: Persidangan ini ditempohkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 11.40 a.m.

Sitting resumed at 12.00 noon.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Tuan Ahmad bin Arshad: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, menyambong ucapan saya tadi, saya hendak menyentuh perkara sekolah menengah dan sekolah rendah ini ia-itu dalam perbelanjaan yang di-belanjakan; kerana kedua² jenis sekolah ini saya nampak kurang menarek perhatian tentang apa yang saya katakan ini, ia-itu berhubung dengan mata pelajaran dalam tulisan Jawi dan membacha Jawi. Apa yang saya fahamkan bahawa belajar tulisan Jawi itu ada-lah sa-bahagian daripada pelajaran sambilan dalam bahagian agama, jadi saya mengharapkan pada masa akan datang, supaya di-sempurna dan di-kemaskan pelajaran Jawi ini di-adakan lain daripada tulisan Jawi, bachean Jawi juga daripada sekolah rendah hingga sekolah menengah. Sebab tulisan Jawi ini salah satu tulisan rasmi Kerajaan Negeri ini dan saya harap bukan sahaja boleh dipelajari dalam sekolah kebangsaan, termasuk juga sekolah jenis kebangsaan kira-nya dapat di-buat.

Kemudian satu perkara yang saya fikir kurang di-berikan perhatian dalam mata pelajaran nyanyian dan tarian. Ini juga patut di-ambil perhatian. Kalau alat²-nya kurang pada memberi pelajaran kedua² yang saya sebutkan ini patut pada masa akan datang peruntukan wang ini supaya dapat kedua² pelajaran tarian dan nyanyian ini dapat

sempurna di-pupok pada anak² supaya masa besar besok tidak tergila² dengan tarian gila dan nyanyian² yang bukan berunsor kebangsaan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh perkara sekolah agama menengah dan rendah. Ini saya harap Kementerian ini supaya dapat memikirkan berhubung dengan tingkatan gaji guru sekolah agama perengkat rendah dan juga perengkat menengah, kalau boleh di-beri satu tingkatan yang sama di-seluruh Malaysia ini, sebab pada hari ini kita dapat tahu sa-tengah negeri tingkatan gajinya kurang dan sa-tengah negeri tingkatan gaji-nya tinggi. Walau pun perkara ini dalam hal ehwal agama tiap² negeri, tetapi dengan kebijaksanaan Kementerian Pelajaran dan wang ini daripada Kementerian Pelajaran dapat di-persamakan. Demikian juga susunan gaji guru agama yang mengajar di-sekolah menengah.

Mr Chairman: Ini berkenaan gaji, tidak ada kena-mengena. Ini tambahan sahaja daripada perbelanjaan yang dikehendakkan dahulu—tidak ada kena-mengena dengan itu.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, jadi dengan wang ini saya fikir saya memahamkan ada-lah di-beri kerana gaji. Jadi sungutan daripada guru² agama kita yang mengajar sekolah menengah itu tidak sa-jajar dengan pengetahuan yang dapat daripada Kolej Islam. Ini sungutan yang saya terima dengan kewangan yang kita beri kepada sekolah menengah itu.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, ia-itu Pechahan-kepala 18—Bulan Bahasa Kebangsaan. Ini telah di-luluskan, di-belanjakan wang sa-banyak \$20,000. Saya harap pada masa akan datang ditambah lagi wang itu, sebab tahun ini tahun merasmikan bahasa kebangsaan dan bahasa kebangsaan sudah di-dauletkan dan segala achara-nya itu kalau boleh di-buat chara berlainan daripada yang sudah².

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Baharu Barat): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit berkenaan dengan S. 19, Pechahan-

kepala 32 ia-itu Pechahan (i)—Pemberian kepada Sekolah² Rendah. Di-kawasan saya, Gelang Patah di-Johor Baharu Barat, ada sa-buah sekolah bernama Sekolah Kebangsaan Rendah Laki² Sekudai. Keadaan sekolah ini sangat kecil, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Head berapa?

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud: Head 19. Peruntukan yang di-kehendaki \$9 juta—Pemberian kepada Sekolah² Rendah. Sekolah yang tersebut itu keadaan-nya sangat kecil dengan besar sekolah itu 110 kaki buka-nya 20 kaki mempunyai anak murid yang belajar di-situ sa-ramai 399 orang mempunyai darjah ia-itu ada 11 bilek dan kanak² belajar di-situ di-bahagi dua—6 sa-belah pagi dan 5 sa-belah petang. Tuan Pengerusi dapat memikirkan keadaan kanak² yang belajar di-situ dengan tempat yang kecil dan sangat sempit, di-situ-lah bilek Guru Besar dan di-situ-lah bilek rehat. Jadi sangat kelam kabut. Ini tidak mententeramkan kanak² yang belajar di-sekolah itu. Pada 22-7-65, Menteri Pelajaran ada melawat sekolah itu dan telah berjanji kepada Jema'ah Pengurus tempatan ia-itu beliau akan sa-boleh²-nya membuat sa-buah sekolah yang baharu di-kawasan itu, tetapi hingga hari ini belum lagi sekolah yang di-janjikan itu di-buat. Saya berharap supaya dapat wang—saya perchaya ada peruntukan lagi pada tahun ini supaya sekolah itu di-buat dengan sa-chepat mungkin.

Juga Sekolah Kebangsaan Pengkalan Renteng ia-itu di-kawasan Tampoi di-dalam kawasan Johor Baharu Barat juga. Keadaan sekolah itu sama juga dengan sekolah yang tersebut, tetapi saya telah bertanya kata-nya tidak mempunyai tanah, itu sebab sekolah tidak di-buat. Saya shorkan supaya Sekolah Pengkalan Renteng Laki² itu di-satukan dengan Sekolah Kampong Pasir ia-itu sekolah perempuan perengkat rendah, sebab kawasan di-situ besar hanya di-buat sekolah baharu di-situ, saya fikir tidak jadi salah-nya kedua² sekolah kebangsaan itu di-jadikan satu laki² dan perempuan, oleh kerana ini perengkat rendah dan akan

memberi kebaikan bagi penduduk² di-situ mempunyai sekolah yang baharu yang berchampur kanak² laki² dan perempuan yang di-bawah umur 12 tahun. Kalau hendak menunggu tanah, saya perchaya Sekolah Pengkalan Renteng yang tersebut itu tidak dapat di-buat. Jadi saya minta bagi pehak penduduk di-sana supaya sekolah itu di-jadikan satu dengan Sekolah Perempuan ia-itu Sekolah Pengkalan Renteng. Demikian-lah sahaja dan saya sokong atas Rang Undang² ini.

Tuan Hussein bin Sulaiman (Ulu Kelantan): Tuan Pengerusi, saya suka berchakap di-atas Kepala S. 19, Bahagian (i) dan (ii) ia-itu Pemberian kepada Sekolah Rendah dan Pemberian kepada Sekolah Menengah.

Saya menyokong atas peruntukan tambahan ini, tetapi saya suka memberi chadangan supaya mengkaji dan menimbangkan dan menambah kepada pemberian peruntukan yang di-katakan *per capita* kepada sekolah² rendah yang ada pada hari ini. Faham saya sekolah rendah di-beri \$4 bagi tiap² murid dan \$10 kepada tiap² murid di-sekolah menengah. Jadi saya rasa sekolah rendah ini juga sama bertanggung-jawab dan ada banyak rancangan yang sama seperti sekolah menengah dan patut-lah di-beri timbangan sa-mula bagaimana saya katakan mengkaji supaya di-tambah peruntukan atau pun di-perkecilkan peruntukan bagi sekolah menengah dan di-beri kepada sekolah rendah. Saya rasa \$4 bagi tiap² murid (*per capita*) itu sangat rendah dan tidak menchukupi untuk memberi perkembangan kemajuan kepada sekolah rendah.

Yang kedua, saya suka juga memberi pandangan kepada Kementerian ini supaya di-persetujui memberi timbangan dan juga sokongan kepada jemaah atau pehak sekolah membuat permohonan dalam perkara membena padang permainan, membeli alat² pengakap, dewan² sekolah, sukan dan buku² kutub khanah yang tidak ada peruntukan oleh Kementerian patut boleh di-bena dengan wang pembangunan luar bandar boleh di-buat permohonan kepada Kementerian Pem-

angunan Luar Bandar. Jadi dalam negeri Kelantan di-mana wang pembangunan luar bandar tidak di-terima untuk surau dan masjid selalu-nya di-beri dalam hal ini, tetapi wang pembangunan luar bandar harus banyak di-hulorkan kepada sekolah² yang sama mulia dan mustahak-nya dengan surau² dan masjid² sa-bagai satu tempat pendidekan jiwa dan ugama. Saya rasa patut-lah Kementerian ini sokong jika ada jemaah atau pehak sekolah membuat permohonan yang sa-macham itu.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Pengerusi, saya menguchapkan terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang memberi pandangan perkara² yang mustahak bagi Kementerian saya masa ini, dan banyak perkara² itu akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Sa-lain daripada itu, saya hendak menjawab sedikit pandangan kepada Yang Berhormat Ahli dari Bachok. Beliau berkata wakil kita dalam UNESCO di-Paris itu patut di-tambah. Perkara itu ia-lah keadaan kewangan sekarang ini sangat susah dan juga keadaan² banyak mustahak akan di-jalankan di-dalam pelajaran dalam negara kita. Jadi perkara itu kita tidak boleh-lah menambah wakil² kita di-UNESCO sekarang ini.

Berkenaan dengan library itu memang-lah perkara ini satu chadangan yang baik dan perkara itu akan diambil perhatian oleh Kementerian saya. Beliau juga berkata berkenaan buku² tek itu, saya suka memberi tahu satu jawatan-kuasa telah di-tubuhkan kepada Jemaah Menteri, satu jawatan-kuasa itu ia-lah jawatan-kuasa textbook bureau, dan perkara² itu boleh-lah diambil perhatian oleh jawatan-kuasa itu.

Beliau berkata berkenaan murid² di-dalam sekolah rendah Darjah VI, kadang² guru itu telah bertukar ka-sekolah lain. Ini satu soalan yang susah, sebab guru² itu kadang² bertukar dari satu sekolah ka-sekolah lain, tetapi jika sekolah yang berkenaan itu tidak suka guru hendak tukar, boleh-lah berhubung dengan Pegawai Pelajaran tiap² negeri. Jadi

kerumitan kepada sekolah² yang berkenaan itu akan di-selesaikan oleh Guru Besar atau Ahli Lembaga Pengurus sekolah dengan Ketua Pegawai² Pelajaran itu.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Kelantan berkenaan bantuan kepada tiap² satu murid itu bukan \$4.00 tetapi \$4.50 tiap² tahun. Beliau itu minta tambahan lagi, tetapi masa sekarang ini, kita ada 1 juta murid² dalam negara kita. Jikalau tambah \$1.00 sa-tahun kenalah memakan berjuta ringgit. Ahli² Yang Berhormat telah sedar keadaan kewangan kita bukan senang. Jadi pada fikiran saya permintaan tambahan itu tidak boleh-lah dapat sokongan daripada Kementerian saya.

Berkenaan padang permainan atau tambahan², kemudahan² itu, memanglah perkara itu akan di-ambil perhatian oleh Kementerian saya dan juga Kementerian saya ada-lah buat satu ranchang usaha untuk mendirikan sekolah² baharu atau tambahan² bilek darjah baharu, jikalau perkara itu mustahak sa-kali.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara menchadangkan mata² pelajaran itu hendak termasuk mengajar mata pelajaran bacaan Jawi bagi kesemua sekolah. Fikiran saya, dasar pelajaran sekarang ini ia-lah satu dasar yang baik, satu dasar untuk faedah kepada semua murid² yang ada di-dalam sekolah ini. Chadangan itu saya akan ambil perhatian sahaja. Sa-lain daripada itu berkenaan gaji bagi sekolah ugama itu bukan-lah soalan dalam perbelanjaan yang telah di-belanjakan. Saya fikirkan perkara itu tidak payahlah di-jawab.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Baharu Barat berkata sa-buah sekolah kebangsaan yang sangat kecil dan sempit, murid²-nya ada-lah 300 orang. Jadi bilek² itu baharu 11 buah bilek darjah sahaja.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud: Tuan Pengerusi, 399 orang—399 orang anak murid.

Tuan Lee Siok Yew: Terima kasihlah. Jadi perkara itu Kementerian saya

akan mengambil perhatian sungguh pun Yang Berhormat Menteri telah melawat kawasan itu dan beliau telah menjanjikan sekolah itu akan mendapat tambahan daripada tahun 1963, tetapi memang-lah pekerja² yang banyak dan sebak sa-kali dalam Kementerian. Tetapi perkara ini saya mengambil ingatan, jika boleh kita akan menchari jalan di-tahun ini.

Memang-lah sekolah masing², bilek darjah sangat kekurangan dan juga sangat sempit. Oleh sebab itu Kementerian kita akan menimbangkan perkara² yang penting itu dari satu masa ka-satu masa. Saya yakin kesusahan itu akan dapat di-atasi jikalau wang kita ada-lah menchukupi.

Mr Chairman, Sir, the Honourable Member for Batu has raised two questions yesterday and I would like to comment on these two points raised by him during the general debate on the Supplementary Supply Estimates.

The first point he raised concerned what he termed "re-tendering" of electrical installations which resulted in a total saving amounting to about \$185,000 in the States of Kelantan and Kedah. I should like to explain here that tenders for the electrical works are called by the Senior Contracts Engineer of the National Electricity Board as they are the Government's consultants for all electrical installations. As such, all tenders for the electrical works for the construction of comprehensive schools throughout West Malaysia were called by this Senior Contractors Engineer and opened in his office. He then forwarded the schedules of tenders with his recommendations to the Federal Tenders Board for acceptance. Unfortunately, in view of the urgency with which comprehensive schools had to be constructed in 1964, so that they could be brought into use in 1965, the tenders recommended by the N.E.B. were submitted to the Federal Tenders Board. Then the P.W.D. pointed out to the N.E.B. that the Government could not afford the cost of the electrical installation as it was far in excess of the original estimated amount. At this stage there was a

change as the N.E.B. Senior Contracts Engineer, an expatriate, retired and he was replaced by a Malaysian. The newly appointed engineer then negotiated with the lowest tenderer and brought down the cost by about \$500,000 throughout West Malaysia. As this amount turned out to be such a substantial saving, the negotiated figure was accepted. This was, therefore, not the result of re-tendering as made out by the Honourable Member for Batu yesterday. Therefore, I may add that this exercise, far from showing up corruption among Government officers, points to the fact that they are constantly on their toes to effect savings whenever possible.

The second point raised by the Honourable Member for Batu concerned the electrical installations for the secondary technical and vocational schools in Kuantan. In this connection, Sir, I wish to point out that the N.E.B. appointed Messrs Preece, Cardew & Rider as consultants for the electrical installations for this complex. Tenders were originally called and because of certain unforeseen factors concerned with the installation of machinery supplied by the Canadian Government under the Colombo Plan, the P.W.D., with the concurrence of the Ministry of Education, approved certain variations from the original tendered prices of \$58,500, which resulted in the cost going up by a sum not exceeding 20 per cent of the original cost. This was, therefore, well within the approved variations permitted by Treasury regulations. The first time that the P.W.D. knew that the consultants exceeded the permitted amount was when the consultants submitted a variation order for \$195,669.74 after the project had been completed. Then, the P.W.D. informed the Ministry of Education and also informed the Treasury officials about this matter. This matter is still under investigation and the additional unapproved cost of the project has still not been paid. Thank you, Sir.

Dr Tan Chee Khoo: Mr Chairman, Sir, on a point of clarification. Since the Assistant Minister has stated that

there have been no malpractices, may I read to him the document which I have with me and which undoubtedly he can get from the N.E.B. It reads:

"If this Department is to function as it is, it will no doubt go from bad to worse, there will be no point of return, and nobody will say how many millions of dollars would have to be accounted for. Under these circumstances, it would not be possible for me as an officer of the Board to carry out my duties efficiently and honestly if this Department is not streamlined and more engineers appointed. The fantastic and unrealistic value of certain tenders and the malpractices are known to the management and to certain Board members. I believe, so far, no action has been taken to remedy the situation. I, for one, do not wish to be held responsible for any malpractices that are being carried out here and will not certify any more jobs which I consider are not satisfactory."

He concludes:

"In view of the foregoing, I feel that these malpractices should be thoroughly investigated by an independent committee, a commission of enquiry. Under the circumstances, I feel that I have no other alternative but to request the Management for a transfer from this Department as I would never like to belong to any Department where malpractices are carried out in one form or another."

Mr Chairman, Sir, this comes from an officer in the N.E.B., who cannot tolerate the malpractices that have been permitted in connection with electrical installations in comprehensive schools. Here is a document I have with me. The Ministry of Education, no doubt, can get this document from the N.E.B., and it shows in no uncertain terms, unlike what the Assistant Minister has told us, that there are malpractices galore with regard to the electrical installations in comprehensive schools. Mr Chairman, Sir, it seems to be the habit and the practice of Government Ministers, whenever those of us on this side of the House, or back-benchers bring up certain allegations of malpractices, to try and cover up things instead of going to the truth of the matter and so save the taxpayers millions of dollars.

Tuan Lee Siok Yew: Mr Chairman, Sir, first of all, I would like to point out to the Honourable Member for Batu, that N.E.B. officials are not Government servants. Any complaint

of this nature, of course, is being looked after by my Ministry, and I would like to inform this House that the N.E.B. branches have been sitting up, in all States in Malaya through the efforts of the P.W.D. in connection with N.E.B. in every State, in the future, in order to prevent this sort of so-called malpractices alleged by the Honourable Member for Batu. As we are aware, every single cent, every small bit, from our Ministry will be spent for the purpose of education, and we know that the taxpayers of this country are very concerned with whatever money spent by the Government. We, as representatives elected by the people, are also very keen and sincere to discharge our duties and to see that all the money will be spent according to the required project.

Dr Tan Chee Khoon: On a further point of clarification, Mr Chairman, Sir. The Assistant Minister at one time says one thing and at another time says another thing. Just now, he said that there was no retendering and there were no malpractices. Now, he comes and tells us, in his latest statement, that he and his Ministry are just as concerned that taxpayers' money is well spent, but he prefaces it by saying that the N.E.B. officials, the N.E.B. engineers, are not Government servants. Does he mean by stating that firstly, that the N.E.B. officials can go on the rampage and spend taxpayers' money unnecessarily; secondly, does he know that in the N.E.B. right now, there is a small investigation going on with regard to the malpractices that I have enunciated. All that I am trying to do in this House is to see to it that the Ministry of Education, from whose allocations electrical installations are being spent, should insist that there should be a very thorough investigation regarding the tenders and the electrical installations that are being carried out by the N.E.B. That is all that I ask the Ministry of Education to do—no more, no less—in safeguarding the taxpayers' money.

Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman: Since the N.E.B. comes directly under the Ministry of Com-

merce and Industry, I am very happy to hear of this allegation, and if there is any ground in what the Honourable Member has said, I shall be very grateful if he can lodge his complaint officially to the Ministry of Commerce and Industry. I am sure the Minister of Commerce and Industry, in the interest of the country, will deal with the matter.

Dr Tan Chee Khoon: On a point of clarification, Sir. I have been trying to look for the Honourable Minister of Commerce and Industry the whole morning in this House, but I have failed to see him. No doubt, I will get in touch with the Ministry of Commerce and Industry.

Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman: On a point of clarification, Sir, I am deputising for the Honourable Minister.

Question put, and agreed to.

The sums of \$40 for Head S. 18, \$14,640,070 for Head S. 19, and \$60,020 for Head S. 20 ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 23, S. 24, S. 25, S. 26, S. 28, S. 29 and S. 30—

The Parliamentary Secretary to the Minister of Finance (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, dengan izin Tuan, saya suka memperkatakan Kepala² Perbelanjaan S. 23, S. 24, S. 25, S. 26, S. 28, S. 29 dan S. 30, bersama² sa-kali dan saya meminta izin men-chadangkan supaya jumlah² yang berikut ini di-luluskan: Kepala S. 23—\$70,100, Kepala S. 24—\$710,350, Kepala S. 25—\$8,067,757, Kepala S. 26—\$122,400, Kepala S. 28—\$11,135, Kepala S. 29—\$193,235, Kepala S. 30—\$17,945; jumlah \$9,192,922.

Di-bawah Kepala Perbelanjaan S. 23 ada empat pechahan-kepala yang terlibat ia-itu Pechahan-kepala 2, 7, 9 dan 11. Bagi Pechahan-kepala 2, Pentad-biran Pejabat, tambahan sa-jumlah \$22,800 ada-lah di-perlukan untuk membayar sewa pejabat di-bangunan Straits Building, Kuala Lumpur, bagi separoh yang kedua tahun 1966, oleh kerana perbekalan dalam anggaran

yang asal telah di-dapati tidak men-chukupi. Demikian juga hal-nya dengan Pechahan-kepala 7 dan 9 yang masing² memerlukan tambahan sa-banyak \$1,300 dan \$6,000. Bagi Pechahan-kepala 11, tambahan sa-jumlah \$40,000 ada-lah di-perlukan bagi perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan berhubung dengan perundingan² bagi mendapatkan bantuan kewangan daripada negeri² asing dan juga lain² meshuarat di-luar negeri yang di-hadhiri oleh Menteri dan pegawai² Perbendaharaan.

Di-bawah Kepala S. 24, Perkhidmatan 'Am Perbendaharaan, ada dua Pechahan-kepala yang terlibat. Tambahan sa-jumlah \$685,350 ada-lah di-perlukan di-bawah Pechahan-kepala 20 kerana pemberian untuk jalan raya kapada Majlis² Bandaran. Jumlah ini ada-lah di-perlukan pada sa-bahagian besar-nya bagi membayar pemberian kebelakangan kapada Majlis Bandaran Klang yang berjumlah sa-banyak \$526,860 yang tidak termasuk di-dalam anggaran asal bagi tahun 1966.

Bagi Pechahan-kepala 39 wang sa-jumlah \$25,000 ada-lah di-perlukan bagi perbelanjaan perwakilan² dari luar negeri yang telah melawat Malaysia berhubung dengan bantuan kewangan untuk Ranchangan Malaysia Yang Pertama.

Di-bawah Kepala S. 25 peruntukan kapada perkumpulan Wang Terkanun ada 3 Pechahan-kepala yang terlibat. Di-bawah Pechahan-kepala 2, Kumpulan Wang Chadangan untuk Negeri tambahan sa-banyak \$6,250,000 ada-lah di-perlukan kerana pemberian kapada Negeri² yang mengalami kekurangan wang dalam tahun 1966.

Di-bawah Pechahan-kepala 3 kumpulan Wang Pampasan ternakan kerana *Naterian Arsenita*, tambahan sa-banyak \$300,000 ada-lah di-perlukan untuk membayar tuntutan² pampasan yang belum di-jelaskan.

Di-bawah Pechahan-kepala 4, tambahan sa-jumlah \$1,517,757 ada-lah di-perlukan bagi bayaran kapada kumpulan wang perkhidmatan masyarakat dan kebajikan. Tambahan ini ada-lah merupakan pendapatan berseih daripada

Loteri Perkhidmatan Kebajikan dan Masharakat yang perlu di-bayar menurut section 5 (2) dalam Act Lembaga Loteri Perkhidmatan Kebajikan Masharakat 1962.

Di-bawah Kepala S. 26, Kastam dan Eksais di-Raja, ada 3 Pechahan-kepala yang terlibat. Bagi Pechahan-kepala 1, gaji tambahan sa-banyak \$95,000 ada-lah di-perlukan bagi membayar gaji dan lain² elaun kapada kakitangan² tambahan yang di-ambil dalam tahun 1966. Bagi Pechahan-kepala 2, Pentadbiran Pejabat, tambahan sa-banyak \$2,400 ada-lah di-perlukan bagi membayar perbelanjaan² yang bertambah terutama bagi bayaran pos kerana menghantar pemberitahuan² penggulangan² perniagaan dan bayaran Kastam dengan mail udara kapada semua station di-negeri² Borneo dan juga kapada pertubohan² dan badan² antara bangsa. Tambahan sa-banyak \$25,000 ada-lah juga di-perlukan bagi Pechahan-kepala 19, Pengangkutan, dan perbelanjaan oleh kerana perbekalan yang asal-nya telah di-dapati tidak menchukupi.

Di-bawah Kepala S. 28, Pengawal Besar Hasil Dalam Negeri, tambahan sa-banyak \$1,335 ada-lah di-perlukan bagi Pechahan-kepala 2, Pentadbiran Pejabat, sa-hingga akhir tahun 1966. Tambahan sa-banyak \$9,800 ada-lah juga di-perlukan bagi Pechahan-kepala 4, Pengangkutan dan Perjalanan kerana bertambah-nya pemereksaan pejabat² chawangan, kehadiran di-mahkamah dan juga latehan kakitangan.

Di-bawah Kepala S. 29 ada enam Pechahan-kepala yang terlibat. Di-bawah Pechahan-kepala 1, Gaji, tambahan sa-banyak \$91,835 ada-lah di-perlukan untuk membayar gaji dan elaun kakitangan tambahan. Pechahan-kepala 2, Pentadbiran Pejabat memerlukan sa-banyak \$50,690; sa-banyak \$17,570 daripada jumlah ini ada-lah di-perlukan bagi menchetak sa-mula Ordinance Chukai Pendapatan (Finance Act), jumlah gaji dan bagi bayaran pos, sementara yang \$33,120 lagi itu ada-lah di-perlukan bagi butiran² yang lain di-bawah pentadbiran pejabat. Tambahan kechil sa-banyak \$700 ada-lah di-perlukan bagi Pechahan-kepala 6, Penyelenggaraan mesin kira. Tambahan

sa-banyak \$35,000 ada-lah di-perlukan di-bawah Pechahan-kepala 7, Pencheta-kan dan Alatulis oleh kerana per-bekalan yang telah di-luluskan di-dapati tidak menchukupi. Demikian juga hal-nya dengan Pechahan-kepala 10, Peng-angkutan dan Perjalanan, di-mana tam-bahan sa-banyak \$15,000 di-perlukan. Bagi Pechahan-kepala 18 wang sa-banyak \$48,739 ada-lah di-perlukan bagi membayar bayaran² perkhidmatan kerana pemungutan chukai, jumlah gaji yang di-jalankan oleh Lembaga Kum-pulan Wang Simpanan Pekerja dan Jabatan Pos bagi tempoh 25-1-65 sa-hingga 17-1-66. Di-sini hanya per-bekalan tanda sahaja yang di-minta oleh kerana simpanan boleh di-dapati dari-pada perbekalan² yang sedia ada di-bawah Kepala S. 29.

Akhir sa-kali di-bawah Kepala S. 30 ada 2 pechahan-kepala yang terlibat. Tambahan sa-banyak \$13,545 ada-lah di-perlukan di-bawah Pechahan-kepala 1, Gaji, bagi kakitangan tambahan yang di-ambil dalam tahun 1966. Bagi Pechahan-kepala 7 ia-itu satu pechahan-kepala baharu sa-jumlah \$4,400 ada-lah di-perlukan bagi membeli dan me-masang 4 alat window type air-condi-tioning bagi Jabatan Hasil Dalam Negeri, Jesselton. Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan.

Question put, and agreed to.

The sums of \$70,100 for Head S. 23, \$710,350 for Head S. 24, \$8,067,757 for Head S. 25, \$122,400 for Head S. 26, \$11,135 for Head S. 28, \$193,235 for Head S. 29 and \$17,945 for Head S. 30 ordered to stand part of the Schedule.

Head S. 32—

The Parliamentary Secretary to the Minister of Health (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, saya menchadangkan ia-itu wang tambahan peruntukan berjumlah \$9,740,133 di-bawah Kepala S. 32 menjadi sa-bahagian daripada jadual.

Wang tambahan sa-banyak \$6,000,200 ada-lah di-kehendaki di-bawah Pechah-an-kepala 1, Gaji untuk membayar elaun khas kebelakangan (arrears) sa-banyak \$12.50 sa-bulan pada pekerja² tingkatan empat dan I.M.G. mulai dari-

pada 1-1-65, untuk kenaikan gaji pekerja² lain, mengada dan menaikkan banyak jawatan Tingkatan Tertinggi bagi doktor² dalam tahun 1966.

Wang tambahan di-bawah Pechahan-kepala 3 sa-banyak \$91,452 itu di-kehendaki untuk membayar kenaikan elaun kepada pekerja² orang sakit, di-Rumah Sakit Kusta di-Sungei Buloh, Pulau Jerjak, Tampoi dan Kota Bharu, Kelantan, serta juga membayar elaun kepada pekerja² orang sakit di-rumah sakit Kusta di-Sarawak. Wang tam-bahan sa-banyak \$763,575 di-bawah Pechahan-kepala 4 di-kehendaki untuk membayar elaun kebelakangan yang telah di-luluskan oleh Kerajaan sa-banyak \$12.50 sa-bulan kepada pekerja² I.M.G. mulai daripada 1-1-65 yang bekerja dalam perkhidmatan menche-gah Malaria.

Wang tambahan \$581,453 ada-lah di-kehendaki di-bawah Pechahan-kepala 2 ia-itu supaya membolehkan pembayaran elaun kebelakangan \$12.50 sa-bulan itu kepada pekerja² I.M.G. yang menyelenggarakan rumah² mulai daripada 1hb Januari, 1965, dan juga membayar bill² ayer di-beberapa negeri di-mana harga ayer telah di-naikkan.

Pechahan-kepala 16 berkehendakkan wang tambahan sa-banyak \$93,143. Ini juga untuk membayar tunggakan elaun khas \$12.50 sa-bulan kepada pekerja² I.M.G. mulai daripada 1hb Januari, 1965, memperbaiki alat² X-Ray, serta membayar konterek bagi menjaga alat² penyejok di-Kementerian Kesihatan dan Setor Perubatan, Petaling Jaya.

Di-bawah Pechahan-kepala 29A wang tambahan ada-lah di-kehendaki sa-banyak \$10,500 untuk menjelaskan pembayaran kepada Rumah Sakit Lady Templer untuk merawat fakir dan mis-kin yang telah di-hantar oleh Pegawai Perubatan Kerajaan. Pembayaran ini ia-lah sa-banyak \$1.00 sa-orang sa-hari.

Wang sa-banyak \$2,000,000 ada-lah di-kehendaki untuk membayar gaji, lain² perbelanjaan dan perbelanjaan khas bagi Rumah Sakit Latehan, Universiti Malaya, Petaling Jaya, pada

tahun 1966. Peruntukan tidak ada di dalam Anggaran tahun 1966.

Wang sa-banyak \$1,000 ada-lah dikehendaki untuk membeli tempat habok rokok sa-bagai pemberian sukarela menghiaskan Ibu Pejabat Pertubuhan Kesihatan sa-Dunia di-Geneva. Wang simpanan telah di-perolehi di-bawah Kepala S. 32 Anggaran tahun 1966 dan peruntukan tanda \$10.00 sahaja yang di-kehendaki.

Tuan Pengerusi, saya pohon men-chadangkan.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan saya mahu berchakap sedikit dalam Kementerian Kesihatan ini ia-itu mengenai pekerja² yang berhubung dengan anti-Malaria. Sa-bagaimana kita ma'alum

Mr Chairman: Head berapa?

Tuan Mustapha bin Ahmad: Head S. 32—Ministry of Health, Butiran 4 untuk anti-malaria. Jadi masalah penyakit malaria, Tuan Pengerusi, ia-lah satu penyakit yang meluas yang menyebabkan terganggu kesihatan anak² kita di-luar bandar, jadi patut-lah Kementerian Kesihatan mengambil perhatian yang berat supaya penyakit ini dapat kita chegah dan dapat kita hapuskan di-dalam waktu yang sa-berapa sengkat yang boleh bagi melaksanakan chita² menghapuskan penyakit malaria. Tuan Pengerusi, saya berpendapat patut-lah pihak Kementerian ini mengadakan Pusat² Kesihatan Kechil atau Post² Kesihatan di-kawasan pendalaman dengan sa-chara langsung supaya orang yang kena penyakit malaria ini dapat mereka ini pergi berjumpa di-Post² kechil anti-malaria ini.

Yang kedua, patut-lah juga Menteri atau pun Kementerian ini membuat kursus bagi menjaga kesihatan orang² kampung, chara mereka itu minum ayer, chara kesihatan rumah tangga dan lain² lagi. Sebab itu sa-kira-nya perkara itu dapat di-jalankan dengan segera saya perchaya penyakit ini dapat kita hapuskan dan saya mengharap dengan ada-nya wang tambahan yang kita kehendaki ini perkara itu dapat

segera penyakit malaria ini tidak merebak lagi sa-hingga mengganggu kesihatan serta pelajaran anak² kita yang ada di-luar bandar.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dengan kebenaran tuan, saya berchakap dengan sa-berapa rengkas-nya ia-itu di-bawah Head S. 32, Pechahan-kepala 74 berkenaan dengan tambahan yang hendak di-minta oleh kerana kita menaikkan gaji² atau pun P.E. kepada pegawai² di-dalam Kementerian ini terutama sa-kali dalam hospital.

Walau pun, Tuan Pengerusi, wang ini sudah pun di-beri daripada Contingencies Fund, chuma saya hendak menarek perhatian Kementerian ini ia-itu Hospital Assistant yang dahulu-nya di-sebut Dresser, kalau saya silap tolong perbetulkan, ia-itu bahagian ini kenaikan tangga gaji mereka itu tidaklah menasabah pada pendapat saya.

Tuan Pengerusi, Dresser² atau Hospital Assistant yang bekerja atau berkhidmat di-dalam hospital² besar di-Ibu² Kota berlainan tugas-nya dengan Hospital Assistant yang bekerja di-klinik² atau di-District Hospitals. Mithal-nya, Tuan Pengerusi, Hospital Assistant di-Bachok dia terpaksa menjalankan dua tugas: Yang pertama tugas sa-bagai doktor di-klinik itu dan yang kedua dia juga sa-bagai doktor melawat dalam kawasan ia-itu penduduk² tidak kurang daripada 56,000 dengan sa-orang H.A. atau pun Hospital Assistant, maka sudah tentu-lah kerja²nya lebeh berat daripada Hospital Assistant yang dudok di-dalam hospital² yang besar. Sa-lain daripada tugas-nya berat, saya rasa Hospital Assistant ini patut-lah di-beri kenaikan gaji-nya lebeh lagi kerana mereka itu menjalankan tugas doktor boleh di-katakan tugas doktor sendiri sa-hingga ada perkara² mithal-nya pukul kepala, luka², Hospital Assistant ini terpaksa bangun bekerja malam dan begitu bagini dan sa-tengah²nya Hospital Assistant kita itu terpaksa menghadapi tugas² yang lebeh daripada berpatutan erti-nya lebeh daripada capacity dia sa-bagai Hospital Assistant. Mithal-nya kalau orang itu luka dia

terpaksa kena tolong jahit, kadang² itu dia membuat satu kerja lebih daripada tugas-nya dan berbangkit-lah pula kalau perkara itu perkara Polis case. Jadi saya rasa patut-lah Kerajaan memberi pertimbangan kepada Hospital Assistant yang sa-macam ini.

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah berkenaan dengan penyakit malaria, saya suka memberi tahu ia-itu kita ada banyak Pusat² Kesihatan Kechil dan Pusat² Kesihatan Besar di-mana dapat orang² yang mengidap penyakit malaria itu pergi berubat di-situ, dan berkenaan dengan kesihatan orang² kampung seperti ayer dan lain², Kementerian Kesihatan telah pun menubuhkan satu jabatan yang di-namakan Jabatan Pelajaran Kesihatan di-mana ada sa-orang pegawai yang menjaga untuk meluaskan lagi penerangan² kepada orang² di-luar bandar, bagaimana menjaga diri mereka, dan kawasan² kampung supaya bersekh.

Sa-lain daripada itu Kementerian Kesihatan juga telah dapat hadiah beberapa buah van dan maseh menunggu beberapa jenis alat wayang gambar supaya kita dapat melawat kawawasan² luar bandar dan menunjokkan wayang-gambar² kepada mereka bagaimana untuk menjaga kesihatan mereka itu.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok berchakap berkenaan dengan kenaikan gaji Pembantu² Rumah Sakit, sa-benarnya di-dalam apa yang saya uchapkan tadi, bukan-lah kenaikan gaji Pembantu² Rumah Sakit tetapi ia-lah arrears \$12.50 yang di-bahagi kepada pekerja² Tingkatan IV dan I.M.G. Group. Tetapi walau bagaimana pun Pembantu² Rumah Sakit yang bekerja di-luar² bandar, mithal-nya di-rumah² sakit kechil dan di-Pusat² Kesihatan Besar dan Kechil, Kementerian Kesihatan sedar mereka itu terpaksa bekerja lebih daripada masa yang di-tentukan. Kementerian Kesihatan telah pun meluluskan satu tuntutan yang di-buat oleh Pembantu² Rumah Sakit ia-itu elaun. Mereka ada-lah berhak menuntut elaun sa-kira-nya mereka itu

bekerja lebih daripada masa yang di-tetapkan.

Question put, and agreed to.

The sum of \$9,740,133 for Head S. 32 ordered to stand part of the Schedule.

Mr Chairman: Meshuarat ini ditangguhkan hingga pukul 4.00 petang.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.00 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

THE SUPPLEMENTARY SUPPLY (1960), BILL

House immediately resolved itself into a Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Heads S. 33, S. 34, S. 35, S. 36, S. 38 S. 40 and S. 46—

The Minister of Home Affairs and Minister of Justice (Tun Dr Ismail): Mr Chairman, Sir, with your permission, I would like to take Head S. 33, Ministry of Home Affairs—expenditure amounting to \$10, Head S. 34, Royal Malaysia Police—\$3,026,737, Head S. 35, Immigration—\$7,400, Head S. 36, Prisons—\$267,020, Head S. 38, Registrar of Societies—\$12,000, Head S. 40, Chemistry—\$21,500, and Head S. 46, Kehakiman—\$25,000 together at one sitting. These various Heads come under the Ministry for which I am responsible.

Sir, as regards Head S. 33 to Head S. 40, the various sums now sought are no more than the barest minimum of funds required to maintain essential services and in some cases to meet expenses that are unavoidable in the light of circumstances prevailing towards the end of 1966. The House will note that of the total sum \$3,334,667, for which I now seek approval of the House in respect of the six Supply Heads which I mentioned earlier, a sum of \$3,026,737 is for the Royal Malaysia Police. I would like to stress here that the seemingly large sum of money was provided to

the Police Force not as a result of extravagant spending or poor budgetary control but that despite strict control the financial provision allocated to the Royal Malaysia Police under the original Estimates and the First Supplementary Estimates have proved to be insufficient to last till the end of 1966. Even with this supplement of \$3,026,737, the total voted provision for the Royal Malaysia Police for 1966 is less than that actually expended in the year 1965. The total voted provision including the supplement now before the House for the Royal Malaysia Police for 1966 is \$142,913,430 whereas that for the previous year was \$174,839,708, of which \$159,351,122 was actually expended.

Now, the reasons for the supplementary provision required for Head S. 46 are fully explained in the Treasury Memorandum.

Before I close my observations, I just would like to take this opportunity to answer some of the observations made by the Honourable Members when discussing the Supplementary Estimates at the second reading. I thought that I would answer them during the Committee stage because strictly speaking these are detailed comments on the Supplementary Estimates of my Ministries and so, with your permission, Sir, I would like to answer them now.

The Honourable Member for Kuala Trengganu Utara enquired when Police Inspectors would receive their revised salaries. I am glad to inform the House that it will be made in the beginning of April, 1967.

The Honourable Member also suggested that the Police Co-operative Society should build flats for rental to Police Inspectors rather than renting from private flats, so that profits can go back to the police officer who are members of the Police Co-operative Society. The Police Co-operative Society is a Thrift and Loan Society, managed by a Committee, and it is entirely left to the Committee to say what to invest in. It is not for Government to direct it what to do.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok meminta—merayu supaya Kerajaan memberi timbangan supaya memberi bayaran kepada ahli² polis yang kena tukar, supaya bertimbang rasa kepada ahli² polis itu. Saya suka-lah menyatakan ia-itu tiap² ahli polis bila dapat perintah supaya bertukar ini ada-lah di-berikan satu Travel Warrant. Travel Warrant ini memberi kebenaran bagi orang² ahli polis yang kena tukar itu dan juga orang² yang di-tanggung-nya. Ini-lah mengikut General Orders, tetapi jika ahli polis yang kena tukar itu ada anak yang berumur lebih daripada 17 tahun anak² yang sa-macam ini akan di-beri juga kesenangan supaya dapat bayaran daripada Kerajaan hanya-lah jika anak² itu di-dalam sekolah dan di-bawah tanggungan ibu bapa dia.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Untuk penjelasan. Saya dapat satu ma'alumat ia-itu anak orang polis ini yang berumur 16 tahun ka-atas perempuan dan sudah berhenti sekolah. Jadi kalau anak ini tidak di-bawa amat-lah susah hendak meninggalkan-nya sa-lain daripada anak laki². Jadi, adakah ini termasuk juga daripada yang mendapat kemudahan itu?

Tun Dr Ismail: Anak yang berumur 16 tahun boleh di-katakan anak dara, tetapi Ahli Yang Berhormat itu tidak beri tahu saya, ada-kah yang berumur 16 itu sudah kahwin-kah atau belum. Kalau dia sudah kahwin tentu-lah tidak boleh-lah hendak menumpang bapa dia lagi, kalau bapa dia kena tukar sana sini. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu beri tahu saya yang anak itu belum kahwin lagi, ini memang-lah dapat timbangan dan dia boleh-lah menggunakan peluang supaya Kerajaan membayarkan perbelanjaan kerana pertukaran bapa-nya itu. Jadi, Ahli Yang Berhormat itu selidek-lah, adakah anak orang ini sudah kahwin atau belum. Jadi Ahli Yang Berhormat ada angan² lain pula berkenaan dengan anak yang sa-macam ini (*Ketawa*). Dia pula mengatakan kepada saya ia-itu dia ada dengar angin tetapi kali ini dengar betul-lah memang sa-paroh daripada orang tahanan itu ada menderma kepada kemalangan banjir ini. Saya suka-lah, yang pertama sa-kali,

ia-itu derma yang di-berikan oleh orang tahanan ini ia-lah dengan sukarela mereka itu sendiri dan tidak ada-lah kekerasan yang di-gunakan atas mereka itu. Jadi bagi diri saya sa-lagi saya menjadi Menteri Keselamatan ini, ini saya pandang ia-lah bagi segi satu sifat orang tahanan ini yang sangat terpuji tetapi itu tidak-lah juga melemahkan saya menjalankan kewajipan saya menahan mereka itu kerana telah berbuat dosa kapada negara.

The Honourable Member for Batu brought up again this question of the benefit societies which, he said, had been in existence for a number of years and, therefore, on the strength of that they should be granted exemption from the provisions of the relevant section of the Societies Act relating to the payment of not more than \$600 in each case. Sir, I would like to inform the House that four of the societies mentioned by the Honourable Member have employed a qualified actuary to look into their affairs, but the actuary has not been able to put up a certificate on the terms required by the Act, i.e., the actuary is not able to certify that the contributions being collected from the members per month are sufficient to meet the benefits assured to be paid. I must repeat that I have explained in great detail, when introducing the Societies Bill to this House, why benefits payable by existing benefit societies should be limited. It is reckoned that the benefits to be paid should be as follows:

For societies admitting as members up to the age of 55 years, their maximum should be \$150;

for 50 years—\$215;

for 45 years—\$280;

for 40 years—\$360; and

for 35 years—\$450.

This is done, so that old members of these societies will be able to get their benefits in future. During the years 1961 to 1965 alone, 103 societies had closed down involving over 780,000 members who lost all their contributions. Many of the contributions are for over 10 years. Some reform to benefit societies must be

introduced. Reforms introduced a little before time are always unpopular. I might add that the scheme of benefit being offered by all these societies is exactly the same as that adopted by mushroom insurance companies. All Honourable Members are, no doubt, aware of the consequences that befell these companies. The National Electricity Board Employees' Society mentioned by the Honourable Member for Batu failed to apply for registration under the new Societies Act, and so it is not entitled to continue operation. The matter will be inquired into.

Now, the Honourable Member for Batu also brought up the question of a case in the Magistrates Court whereby, according to him, the Magistrate was reprimanded by the Judge for having convicted the person because there was no law to do so. Sir, I would like to put the case fair and square to this House. Now, Sir, the prosecuting officer in the case, the D.P.P. told me that the judge never said that the D.P.P. and the Magistrate had flouted the law. According to the D.P.P., what actually transpired was that the Police put up the charge without reference to the D.P.P. and in doing so had inadvertently left out of the charge section 27 of the Internal Security Act under which the accused could have been charged and had also cited the number of the Act as No. 18 of 1966, which is the Malaysian Common Tariff Act, 1966, instead of the number of the Internal Security Act, which is No. 18 of 1960. The judge, therefore, according to the D.P.P., had said that in view of this inadvertency, he could order a retrial, but the D.P.P. said that since the accused had served part of the sentence, he did not want to proceed further with the case.

Now, the Honourable Member wanted me to instruct the Magistrate and the prosecuting officer. Now, all this time he had been telling this House that the Judiciary is independent and that politicians and the Ministers should not interfere, and here he pleaded that I should interfere in a matter in respect of which I prefer not to meddle.

The Honourable Member for Batu also mentioned about Court Hill in Kuala Lumpur. Now, Sir, re-organisation of the court at Court Hill, Kuala Lumpur, has been carried out and cases are being disposed of expeditiously. Instead of having one Registry to deal with the Sessions Court and the Magistrates' Court, there are now two Registries to deal with the Sessions and Magistrates' Courts. This has resulted in more efficient court administration. Two more court rooms are to be provided, and the National Development Planning Committee has been approached for funds. There is space available for the construction of the two court rooms. Thank you, Sir.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Dengan izin tuan, saya turut berchakap sedikit di-bawah Head S. 33, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di-bawah Pechahan-kepala 77 ia-itu Kerajaan meminta token vote sa-banyak \$10 untuk urusan hendak mengirim balek orang² daripada Indonesia yang di-tahan di-dalam camp dan juga penjara.

Tuan Pengerusi, saya menyokong permintaan ini, tetapi saya kurang faham dan menyatakan dukachita berkenaan dengan orang² yang di-tahan di-dalam prison, ia-itu di-dalam penjara. Yang saya faham, orang² yang di-tahan di-dalam camp ia-lah tentera², atau pun orang² yang di-perintah oleh sa-sabuah negara untuk menjalankan tugas-nya. Dan boleh jadi mereka itu menjalankan tugas dengan hati yang baik, ia-itu good faith, kerana mereka itu ta'at kepada negara dan negara itu telah memerintah kebetulan mithal-nya untuk menjalankan konfrantasi terhadap sa-buah negara. Tetapi orang² yang di-tahan di-dalam penjara, nyata-lah mereka itu lain daripada menjalankan tugas sa-bagai ahli tentera, menjalankan juga kerja² kesalahan jenayah. Jikalau tidak, tentu-lah kita tidak tahankan di-dalam prison, di-dalam penjara. Dan saya rasa, boleh-lah Kerajaan kita ini sa-sudah ada hubongnan diplomatik dengan Kerajaan Indonesia, supaya merundingkan perbelanjaan pengiriman balek orang² yang di-tahan di-dalam prison ini, sa-kurang-2-

nya di-bagi dua—antara negara kita dengan negara Indonesia kalau pun tidak semua mereka itu menanggung. Sebab, pada fahaman saya, orang² yang di-tahan di-dalam penjara ini tidak sama dengan kesalahan yang mereka itu lakukan, yang mereka hingga tertahan di-dalam detention camp.

Berkenaan dengan Pechahan-kepala 79 yang meminta token vote sa-banyak \$10 untuk membayar kekurangan wang, atau pun kekurangan kapal bagi polis di-Sarawak. Saya bimbang satu, Tuan Pengerusi, ia-itu biasa-nya Kerajaan kita, apabila hendak melancharkan kapal atau pun hendak melancharkan tractor, maka Menteri² di-kirim pergi menaborkan tepong tawar, tepong mentah, yang ini semua fiction, benda² khayal yang samacham itu, saya takut dalam kita hendak melancharkan kapal di-negeri orang pun ada dengan tepong tawar, serapah, macham itu orang memandang bahawa Menteri² kita ini tidak realistic. Jadi ini amat-lah memalukan kapada kita.

Di-bawah Head S. 36 ia-itu Pechahan-kepala 82 berkenaan dengan permintaan tambahan yang sudah pun di-advancekan daripada duit fund yang di-simpan bagi perbelanjaan membeli cartridges, ia-itu keltus² senapang untuk latehan pegawai² penjara. Tuan Pengerusi, saya mengeshorkan cartridges ini patut-lah di-pakai jenis dummy, jenis yang kosong. Tidak mustahak kita pakai cartridges yang berisi. Lagi pun, Tuan Pengerusi, saya lebih suka pegawai² ini di-beri latehan mengikut polis yang sa-benar, atau pun tentera yang sa-benar yang memakai peluru betul, ia-itu, Tuan Pengerusi, di-dalam ilmu musketry, jikalau kita hendak tembak target itu dengan cartridges yang sa-macham ini kena kesemua sa-kali, start daripada ball inner mark five-nya sampai kapada outer, satu target itu kena. Jadi apa-kah yang dimaksudkan daripada training menembak target itu, saya tidak tahu. Tetapi kalau peluru satu, dapat-lah kita melihat ada-kah pegawai ini tahu menembak dan layak menjalankan musketry-nya, menembak di-tengah-kah atau di-tepi-kah. Tapi kalau pakai

cartridges, sa-makin jauh sa-makin buka, dan kesemua kena sa-kali. Saya rasa pegawai² ini patut di-hantar dapat latehan tentera yang penoh, atau pun polis yang penoh, tidak memakai cartridges yang sa-macham ini.

Berkenaan dengan minta wang tambahan polis, ia-itu di-bawah S. 34, hendak tambah lagi kerana vote yang kita bagi dahulu itu tidak chukup. Tuan Pengerusi, walau pun wang ini sudah pun di-dulukan, saya suka-lah memberi kenyataan kepada Yang Berhormat Menteri ini, mengikut ma'lumat saya, ia-itu saya tidak tahu-lah lama sa-lepas merdeka kita ini banyak sangat kechurian yang berlaku di-dalam setor polis sendiri. Jadi kita membelanja banyak tetapi Kementerian kita ini tidak mengambil berat di-dalam itu. Dan saya dapat tahu pada satu tahun, kalau tak salah saya, dalam dua tiga tahun yang lepas—tahun-nya saya tidak ingat—kechurian di-dalam setor, yang khusus bagi setor, bukan kejadian yang lain, di-dalam setor polis-lah banyak berlaku kechurian daripada setor² yang lain dalam Malaysia ini. Jadi saya tidak tahu apa fasal Menteri kita ini membiarkan ini, atau pun sebab itu-kah, maka dia sudah tak tahu.

Tun Dr Ismail: Jawapan yang pertama di-atas soalan orang Indonesia yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Bachok ini, yang di-simpan di-dalam penjara, bukan-nya dalam tempat perlindungan. Di-sini, saya suka-lah menyatakan ia-itu dalam masa konfrantasi dahulu, ada beberapa jel mithal-nya jel di-Johor telah di-iktirafkan menjadi tempat perlindungan. Jadi orang² yang di-dalam jel itu, bukan-lah orang² banduan, ma'ana-nya orang tahanan. Chuma tempat-nya itu ia-lah yang dahulu-nya jel, tetapi telah di-iktirafkan menjadi tempat perlindungan. Jadi, orang yang sa-macham ini, semua-nya sudah di-hantar balek-lah ketika tamat-nya konfrantasi dan dapat perjanjian dengan Kerajaan Indonesia.

Di-atas orang² Indonesia yang membuat kesalahan berkenaan dengan jenayah, layanan-nya sama juga-lah

kapada orang asing yang lain yang membuat jenayah dalam negeri ini. Kalau dia bersalah di-dalam negeri ini, dia-lah kena jel. Dan kalau beberapa banyak kali dia membuat khianat itu, dan di-fikirkan ketinggalan dia di-dalam negeri ini merosakkan keamanan negeri ini, kita hantar-lah dia balek ka-negeri masing².

Di-atas merasmikan kapal² dan lain² yang menggunakan tepong tawar ini, ini mengikut fahaman masing². Mithalnya jikalau ada kapal yang hendak di-rasmikan oleh Menteri kalau dia jadi nanti pada Parti PAS barangkali entah apa ayat Koran yang di-bachanya. Kalau dia bacha betul saya menguchapkan shukor kapada Allah ta'ala tetapi jangan salah gunakan. Bagi kita di-sini mengikut adat Melayu. Barangkali orang PAS daripada Kelantan ini terlampau khayal sangat dengan menyalah-gunakan Islam dia lupa kapada adat Melayu. Jadi ingat-lah jangan lupa menggunakan tepong tawar ini satu daripada adat Melayu.

Saya tak berani-lah hendak bertengkar dengan Ahli Yang Berhormat ini atas cartridges dan musketry, nampak-nya dia lebeh banyak pengalaman daripada saya dan ini menunjukkan yang dia ini memang ada ilmu saikoloji atau ilmu jiwa barangkali dia ini ada criminal sedikit fikiran dia itu, sebab dia terlampau tahu sangat atas musketry ini. Jadi saya akan berunding-lah atas shor Ahli Yang Berhormat itu dengan penasihat² saya di-dalam polis jikalau betul apa yang di-chakap-nya itu, kita terima kaseh-lah kapada dia. Jikalau mithal-nya dia ini ada sedikit criminal saikoloji hendak kena jaga²-lah dia itu.

Di-atas kechurian yang lebeh dalam Setor Polis daripada tempat² lain, di-sini saya tak tahu-lah, tetapi kalau chakap² dia itu betul, ini berma'ana ia-itu bukan-lah di-katakan oleh sebab setor itu setor polis orang itu tidak hendak pergi menchuri. Yang Berhormat itu ketahu² kadang² rumah Inspector-General Police pun kena churi juga. Jadi atas kechurian ini dia tidak-lah mengechualikan sa-siapa

pun. Tetapi atas kechergasan polis mengatasi kechurian ini, ini semua telah tahu bagaimana baru² ini banyak orang² yang telah menchuri ini telah dapat di-tangkap oleh polis. Ahli Polis ada-lah chergas atas mengatasi soal kechurian ini dan bagi diri saya, saya akan menjaga juga-lah dan memintalah Inspector-General Police berjaga² supaya kechurian di-dalam setor polis itu jangan-lah lebeh daripada kechurian tempat² yang lain kalau-lah perkara itu betul.

Question put, and agreed to.

The sum of \$10 for Head S. 33; the sum of \$3,026,737 for Head S. 34; the sum of \$7,400 for Head S. 35; the sum of \$267,020 for Head S. 36; the sum of \$12,000 for Head S. 38; the sum of \$21,500 for Head S. 40 and the sum of \$25,000 for Head S. 46 ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 49 and S. 50—

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh (Tuan Lee San Choon): Tuan Pengerusi, dengan kebenaran tuan saya menchadangkan ia-itu wang tambahan peruntukan berjumlah \$188,680 di-bawah Kepala 49 dan 50 di-persetujukan. Keterangan² lanjut berkenaan dengan perbelanjaan ini ada-lah di-terangkan di-dalam muka 38, 39 dan 40 di-dalam Command Paper 53, tahun 1966.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya suka masok champor sedikit di-dalam kita membahatkan di-dalam Jawatan-kuasa mengenai Kementerian Buroh ini ia-itu yang pertama di-dalam Pechahan-kepala 95 ia-itu satu fund yang kita buat—Pechahan-kepala 95—Ministry of Labour ia-itu peruntukan yang kita sedia untuk membawa orang² di-Malaysia Barat ini pindah ka-Malaysia Timor untuk mendapat kerja dan menolong ra'ayat di-sana di-dalam mengeluarkan pekerjaan² yang kekurangan tenaga buroh.

Saya dapati, Tuan Pengerusi, hari ini banyak orang² yang beritahu kepada saya buroh² di-sini agak sedikit lambat untuk di-hantar ka-Malaysia Timor sa-

hingga banyak orang itu dudok di-Kuala Lumpur ini yang mana sudah di-beri kad² yang tertentu. Kemudian sampai hari ini orang itu maseh menanti dan tidak di-hantar lagi ka-Sarawak. Jadi itu-lah laporan yang saya dapati dan saya hendak tahu daripada Kementerian ini apa-kah tindakan untuk menyegerakan perkara itu.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, ia-lah perkara yang mana hari ini sa-bagaimana berbangkit di-dalam perbahathan yang telah lalu chara² Kerajaan membuat perangkaan orang yang sa-benar-nya tidak dapat bekerja. Hari ini ternyata orang² yang mendaftarkan diri untuk mendapatkan kerja ada-lah di-bandar² yang besar. Ini di-dalam Head 97—An additional sum of \$15,000 is required for the following: (i) \$9,100 for administration, printing and stationery . . .—saya fikir boleh-lah saya berchakap dalam bahasa Melayu itu. Jadi hari ini banyak ra'ayat yang ada di-kampong² yang tidak dapat kerja dan Kerajaan tidak dapat mendaftarkan orang² ini. Jadi ada-lah baik bagi kita mendapatkan angka yang tepat bagi Kerajaan membuat satu perojek yang tepat pula untuk memberi kerja kepada orang ini di-dalam pentadbiran penambahan. Di-dalam pentadbiran ini Kerajaan meluaskan pendaftaran dan mengambil tahu ra'ayat² yang di-kampong² yang tidak dapat kerja itu, dengan sebab itu saya fikir bagus-lah juga pehak Kerajaan, apabila sudah dapati perangkaan yang demikian itu, menentukan bahawa chara bagaimana sikap untuk mengatasi supaya jangan berlaku buroh yang sa-chara diam² yang ada di-kampong, tetapi kita tidak tahu perangkaan yang sa-benar-nya. Sekian.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): Mr Chairman, Sir, touching on Head S. 50 Labour and Industrial Relations, I would like to refer to the Labour Office at Butterworth. This Department, Sir, is being housed in a once condemned building previously occupied by the Co-operative Store of Butterworth. It was renovated, no doubt, but it was a very, very old

building and, like an old lady, however much powder and lipstick she applies to her face it will not make her any younger. This building, Sir, is low and old fashioned and too compact for a Labour Department that deals with its affairs covering the whole of Province Wellesley.

Mr Chairman: That is under what sub-head?

Tuan Tan Cheng Bee: There is provision under the item of administration.

Mr Chairman: All right!

Tuan Tan Cheng Bee: The Labour Exchange Department does registration from a window on one side of the building and people, who wish to register, queue up in the open under the mercy of the sun and rain. Sir, the office inside the building is so compact that persons, who have business there, must wait outside the building, because the office can hold no more than half a dozen people. I understand, Sir, that provision for a new building has been approved two years ago but that the land is still unavailable. I hope, Sir, that the Honourable Minister of Labour will liaise with the State Government to get a piece of land as early as possible, so that a new building could be erected early and thus save the people from all the inconvenience of waiting in the open when they have business there.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dengan ringkasnya saya hendak berchakap di-bawah Head S. 49, Pechahan-kepala 95—ia-itu berkenaan dengan buroh² di-Malaysia Barat yang di-bawa ka-Malaysia Timor. Ada-lah menjadi satu masalah yang saya berharap mendapat penjelasan yang tegas daripada pehak Kementerian ia-itu saya mendapat tahu bahawa buroh² yang bekerja di-Sabah lebeh banyak datang daripada Filipina dan Hong Kong. Jadi, Tuan Pengerusi, buroh² kita atau tenaga buroh kita yang lebeh di-Malaysia Barat ini tidak-lah begitu di-galakkan, atau pun tidak-lah begitu di-harap²kan oleh

negeri Sabah kerana mereka itu boleh mendapat tenaga buroh yang lebeh murah bayaran-nya daripada Filipina dan Hong Kong. Kalau lah perkara ini benar berlaku maka itu amat-lah mendukachitakan kita kerana kita sedang menghadapi penganggoran atau sa-kurang²-nya kita sedang berusaha hendak mengurangkan penganggoran, pada hal sa-bahagian negara kita menggunakan tenaga buroh daripada negeri luar.

Di-bawah Pechahan-kepala 96 yang di-minta \$11,000 untuk membeli sa-buah motor car bagi Pengerusi Badan Pengadilan Timbangtara Perusahaan. Walau pun wang ini di-bayar tetapi saya suka menarek perhatian Kementerian badan pengguna yang sa-macham ini ada-lah badan orang tengah tidak memihak ka-mana², kadang² judgement atau pun keputusan yang di-beri-nya menyebelahi Kerajaan or the Government dan kadang-nya mereka itu bebas memberi hukuman yang berlawanan dengan Kerajaan ya'ani against the Government. Kalau-lah Kerajaan membeli motor car beri kapada hakim, saya rasa ini satu chara kalau tuan izinkan saya menyebut ini satu perkara tumbok rusok sa-chara hormat oleh Kerajaan kapada badan itu, atau kapada hakim itu dan orang tidak pernah buat chara yang sa-macham ini. Ada pun kita mengadakan office atau pun kelengkapan typewriter, kertas² untuk mereka itu menjalankan tugas itu, saya ber-setuju tetapi membeli kereta lagi kapada badan itu dan akhir-nya pula membeli kereta bagi hakim orang tengah itu, saya rasa itu tidak memberi kebebasan kapada badan itu menjalankan tugas-nya yang sa-benar. Saya suka-lah mendapat penerangan daripada Kementerian ini, apa-kah hikmat-nya—significance—yang Kerajaan patut membeli kereta kapada badan itu.

Tuan Lee San Choon: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah dan Bachok telah membawa perkara berkenaan Migration Fund Board. Tuan Pengerusi, tidak benar saperti chakap Ahli dari Bachok itu banyak lagi buroh dari Phillipina atau Hong Kong datang ka-negeri Sabah.

Sa-benar-nya sa-belum buroh² dari Hong Kong atau dari Phillipina diberi kebenaran masuk negeri Sabah, Kerajaan—bukan sahaja Kerajaan Sabah—Kerajaan Pusat mesti bersetuju dan Kementerian saya pun ada cham-por tangan hal ini. Jadi jikalau buroh² yang ada dalam West Malaysia ini boleh di-hantar ka-Sabah kita tidak benar buroh² dari Sabah, dari Phillipina atau dari Hong Kong masuk ka-negeri Sabah.

Berkenaan Labour Exchange untuk buroh² mendaftarkan nama²-nya walau pun Pejabat² Buroh Exchange tidak berapa banyak tetapi kita bagi pehak Kementerian, tiap² tahun ada buat kempen untuk menggalakkan pendu-dok² dalam negeri ini menggunakan Exchange. Jadi saya ikut pendapat sa-tahu kita seluruh ra'ayat pun sudah sedar ada Labour Exchange ini dan sedar juga Labour Exchange boleh menolong kepada buroh² mana dia boleh menolong.

I am glad that the Honourable Member for Bagan brought up the matter of our Butterworth office. I am aware of this and, in fact, our Ministry has been trying hard to get a piece of land in the locality for the new office. I hope the Honourable Member for Bagan would do his part to persuade the State Government, or whichever authorities, to give us the land more quickly, so that we can put up the office earlier.

Berkenaan dengan motor car—ini untuk hakim Mahkamah.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok ingin tahu kenapa kita hendak beli motorak kepada hakim ini. Hakim Mahkamah Buroh ini ia-lah sama status dengan hakim² dalam Mah-kamah² lain jadi patut-lah hakim dapat gaji—bergaji dan rumah dan patut juga ada satu kereta. Ini bukan berma'ana kita hendak suapkan hakim. Yang Berhormat ini telah chakap ada kadang² hakim pun beri hukuman yang tidak tolong Kerajaan. Jadi oleh sebab itu Ahli Yang Berhormat patut-lah bagi tahniah kepada Kerajaan oleh sebab Kerajaan chukup patut. Terima kaseh.

Question put, and agreed to.

The sums of \$173,080 for Head S. 49 and \$15,600 for Head S. 50 ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 52, S. 55, S. 57, S. 59—

Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian (Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Pengerusi, saya me-mohon menhadangkan supaya per-belanjaan sa-banyak \$7,000 bagi S. 52, Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian, dan juga perbelanjaan sa-banyak \$831,500 bagi Jabatan Ukur, Kepala S. 55, peruntokan sa-banyak \$10 sahaja bagi Jabatan Kehutanan, Kepala S. 57, dan peruntokan sa-banyak \$101,400 bagi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kepala S. 59, menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Keterangan² yang lanjut bagi Kepala S. 52, Pechahan-kepala 4 dan juga Kepala S. 55 bagi Pechahan 1, Kepala S. 55 Pechahan-kepala 11, Kepala S. 57, Pechahan-kepala 17 ada terkandung di-dalam Command Paper 53, muka 40 dan 41. Saya chuma ingin menerangkan sedikit mengenai Kepala S. 59, Pechahan-kepala 5 dan Pechahan-kepala 11.

Berhubung dengan Pechahan-kepala 5, Tuan Pengerusi, Penyenggaraan Pengkalan Pentadbiran di-Hutan. Penyenggaraan Post, Kementerian me-mohon peruntokan tambahan sa-banyak \$8,900. Peruntokan tambahan itu di-kehendaki kerana membaiki keadaan Post² Perubatan dan juga tempat² mendarat helicopter di-dalam hutan untuk perkhidmatan orang² asli. Peruntokan tambahan ini juga di-perlu-kan untuk menambahkan lagi bilangan Post² Perubatan dan juga tempat² heli-copter mendarat.

Di-bawah Kepala S. 59, Pechahan-kepala 11—Pengangkutan pula, saya mohon izin untuk meminta peruntokan tambahan sa-banyak \$2,220 untuk Butiran (2)—Penyenggaraan Kereta dan \$40,280 untuk Butir (3)—Pengang-kutan dan Perjalanan. Wang tam-bahan \$2,220 untuk Butiran (2) itu ada-lah di-perlukan bagi menyeleng-garakan 23 buah kenderaan yang kebanyakan-nya sudah tua umur-nya

dan kenderaan itu terpaksa pula pergi ka-tempat² yang jauh melalui jalan² yang burok dan dengan demikian kerosakan kapada kenderaan² itu seringkali berlaku Peruntokan tahun ini sa-banyak \$33,000 untok Butiran ini tidak mencukupi untok menyeleenggarakan kenderaan² yang demikian tua itu.

Mengenai Butiran (3)—Pengangkutan dan Perjalanan pula wang tambahan sa-banyak \$40,280 ini adalah perlu untok memperbaiki lagi pekerjaan bagi pegawai² dalam Jabatan ini. Jabatan ini sedang memperhebatkan ranchangan² pembangunan-nya, umpama-nya, usaha² menggalakkan orang² asli menanam getah dan juga pembenaan² sekolah² dan asrama dan juga Pusat² Perubatan. Apa yang ternyata mengenai perojek² pembangunan Jabatan ini ia-lah kebanyakan daripada perojek² ini, Tuan Pengerusi, ada-lah di-kawasan pendalaman ia-ini di-tempat² yang jauh di-dalam hutan dan perjalanan ka-tempat itu ada-lah sukar dan juga memakan masa dan wang yang banyak. Pendek kata oleh kerana tersibar-nya dan terpenchil-nya tempat² kediaman orang asli kita, perbelanjaan untok menguruskan hal ehwal mereka itu akan memerlukan perbelanjaan yang banyak dan dengan demikian peruntokan tambahan untok pengangkutan dan perjalanan Jabatan ini sangat² di-perlukan.

Tuan Pengerusi, mengenai Kepala S. 59 juga Pechahan-kepala 12—Kebajikan Orang Asli, saya mohon peruntokan tambahan sa-banyak \$50,000 pula. Peruntokan tambahan ini kebanyakan-nya di-perlukan untok memberi makanan kapada orang² asli yang di-rawat di-Hospital Orang Asli di-Gombak. Di-sini saya suka memberi penjelasan kerana beberapa hari yang telah lalu saya telah membacha satu renchana di-dalam *Berita Harian* atau pun *Berita Minggu* yang menganggap tempat di-Gombak itu sa-bagai Kampong Orang Asli. Ini ada-lah satu anggapan yang salah kerana sa-benarnya tempat itu bukan settlement atau pun tempat kediaman orang asli tetapi hospital bagi orang asli di-Gombak. Pada masa ini angka² orang asli yang

di-rawat di-hospital itu makin bertambah dari sa-tahun ka-satahun. Dalam tahun 1963 angka itu ia-lah 1,512; dalam tahun 1964 2,717; tahun 1965 3,226 dan di-jangka pada tahun ini sa-ramai lebeh kurang 4,000 orang asli akan di-rawat di-Gombak. Perbelanjaan makanan dan rawatan mereka ada-lah di-bayar daripada peruntokan ini. Sa-lain daripada itu perbelanjaan pelajaran anak² orang asli juga di-bayar dari peruntokan ini. Dengan sebab² di-atas, Tuan Pengerusi, saya mohon agar peruntokan tambahan kapada Kepala S. 59 saperti yang telah saya nyatakan tadi di-luluskan menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Terima kaseh.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit di-atas S. 57 ia-itu tentang Pameran Berkenaan Pergunaan Kayu.

Mr Chairman: Head berapa?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Head S. 57.

Saya berasa initiative yang di-jalankan oleh Kementerian ini mengadakan pertunjukan itu ada-lah satu langkah yang sangat baik bagi meluaskan penggunaan kayu dan menunjokkan chara² penggunaan kayu kapada orang ramai. Saya rasa langkah sa-bagai ini patut di-adakan langkah lanjut-nya ia-itu di-adakan pameran² kegunaan kayu itu di-negeri² di-mana banyak negeri kita meng-exportkan kayu ini kapada-nya. Dengan chara ini saya merasa bahawa akan lebeh luas lagi pasaran kayu² kita di-luar negeri, kerana sa-panjang masa ini kita telah pernah mengadakan berbagai² pameran perdagangan keluar negeri maka saya rasa untok memajukan perdagangan kayu ini patut-lah pameran kayu ini di-adakan juga di-luar negeri di-tempat² di-mana banyak menggunakan kayu kerana sa-panjang yang di-fahamkan sa-takat ini export kayu ini merupakan hasil yang ketiga kapada negara kita ini.

Perkara yang kedua saya hendak menyentuh ia-lah tentang S. 59, Pechahan-kepala 12—Kebajikan Orang

Asli. Saya chuma hendak mendapat penjelasan sahaja, ada-kah hospital ini yang ada di-Gombak yang telah ada semenjak beberapa tahun itu di-khaskan untuk orang² asli dari seluruh tempat, atau hanya orang² asli di-dalam negeri Selangor sahaja, kerana kalau di-katakan merupakan hanya ini-lah sahaja sa-buah hospital untuk orang asli, pada hal banyak lagi orang² asli di-tempat lain dalam negeri Pahang dan negeri Johor, maka di-mana-kah kelengkapan hospital sa-bagai di-Gombak itu ada diadakan di-tempat lain. Saya sendiri tidak ada di-tangan saya sekarang ini perangkaan orang² asli di-negeri² di-Tanah Melayu ini, tetapi saya rasa kalau memang-lah hospital di-Gombak itu di-maksudkan untuk hospital orang asli yang di-adakan sa-buah itu, maka patut-lah di-timbangkan di-adakan hospital sa-bagai itu di-tempat² lain di-mana orang² asli itu ramai.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya menyentoh dalam S. 55—Jabatan Ukor, Pechahan-kepala 4—Belanja Ukor Rupabumi Umum. Di-sini ada meminta wang sa-banyak \$470,000 kerana Pekerja² Perusahaan dan Buroh Kasar. Apa yang saya hendak bangkitkan, Tuan Pengerusi, dalam masaalah ini ia-itu buroh² dan pekerja² kasar ini waktu menjalankan tugas mereka di-hutan² belantara dan gunung-ganang, berminggu lama-nya. Untuk menjaga keselamatan mereka saya harap Kementerian ini dapat menimbangkan supaya di-beri mereka itu senjata api untuk menyelamatkan kumpulan ini daripada di-serang oleh binatang² buas atau pun orang² hutan yang selalu di-jumpa-nya tapak kaki-nya, tetapi orang hutan itu ia tidak jumpa.

Kemudian saya sentoh, Tuan Pengerusi, dalam hal ehwal orang asli, ia-itu kebajikan orang asli yang di-minta sa-banyak \$50,000. Dengan ini saya mengulang lagi dengan kemurahan Yang Berhormat Menteri ini dan dia satu orang yang pemurah supaya dapat memberikan balai² raya kepada anak orang² asli di-Sungai Mering, Bukit Asahan, Tangkak dan satu lagi Gunung Ledang, Tangkak. Maka kedua² ini walau pun saya telah kemukakan sa-tahun dulu

belum ada cerita dan riwayat-nya. Jadi dengan ini saya timbulkan lagi mudahan² berhasil. Terima kasih.

Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub:

Kalau saya tidak salah ada juga permohonan daripada Ahli Yang Berhormat yang baharu berchakap tadi telah di-beri. Jadi permohonan ini banyak kita dapati, jadi bergantung kepada order of priority dia di-mana kita hendak. Kita suka hendak beri banyak² sa-kali, tetapi bergantung kepada wang dan juga order of priority.

Mengenai permohonan supaya buroh² kasar ini di-beri senjata api, Kementerian saya tidak boleh memberi, Tuan Pengerusi. Masaalah senjata api ini rumit, mereka mesti mempunyai lesen, dan lesen ini chuma dapat di-beri oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Jikalau buroh kasar ini mendapat senjata api kerana mereka pergi ka-hutan, pegawai² hutan pun kelak akan meminta bagitu juga dan banyak lagi orang² yang hendak masuk hutan pun terpaksa kita beri senjata api. Jadi saya rasa belum ada lagi saya menerima satu laporan bahawa sa-saorang buroh itu telah mendapat kechederaan kerana masuk hutan di-serang oleh binatang² yang buas atau pun sa-bagai-nya.

Berhubung dengan hospital bagi orang² asli di-Gombak, ini ada-lah untuk semua orang asli di-Malaysia Barat di-sini, bukan sahaja untuk di-Selangor. Kita sa-benar-nya dengan sa-berapa boleh di-tempat² yang lain itu jikalau tempat yang di-Gombak itu tidak menchukupi kita tempatkan mereka itu di-hospital yang ada, tetapi kadang², Tuan Pengerusi, oleh kerana masaalah perasaan kemanusiaan ini yang salah mengerti dan lain² kadang² pegawai² tidak bagitu mengerti sentiment² orang asli ini, mereka bila dihantar kepada hospital biasa itu sa-hari dua hari, keluar daripada tempat itu dan tidak mahu kepada tempat hospital yang biasa, tetapi policy yang kita jalankan yang sa-benar-nya dengan sa-berapa boleh kita mahu menggalakkan orang asli ini supaya tidak berasing daripada ra'ayat lain dalam Malaysia pergi kepada hospital² yang ada sekarang. Jadi Kementerian saya sekarang tidak ada membuat apa²

ranchangan untuk membanyakkan lagi di-beberapa tempat yang lain hospital² untuk orang² asli ini.

Mengenai pameran kayu kayan tadi saya suka-lah menerangkan di-sini ia-itu pameran ini telah kita adakan di-dalam bulan Oktober tahun yang lalu tadi dan laporan yang saya terima ada-lah berjaya. Sama ada pameran yang seperti ini patut kita adakan di-luar negeri, ini menghendaki pertimbangan yang lebeh dalam lagi terpaksa berunding dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan juga Kementerian Kewangan. Saya rasa saya lebeh suka mengadakan pameran dalam negeri ini sahaja terlebih dahulu daripada jaminan bahawa pameran² itu akan mendatangkan hasil yang besar kepada negara kita.

Question put, and agreed to.

The sums of \$7,000 for Head S. 52; \$831,600 for Head S. 55, \$10 for Head S. 57, and \$101,400 for Head S. 59 ordered to stand part of the Schedule.

Head S. 60—

The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun): Mr Chairman, Sir, I beg to move that a sum of \$40,000 under Head S. 60 Ministry of Local Government and Housing forms part of the Schedule.

The reasons for this provision are all given in Command Paper No. 53/66.

Sir, I beg to move.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya sukacita mengambil bahagian sedikit dalam Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan ini ia-itu S. 60 (Pechahan-kepala 104 Perbelanjaan) bagi Surohanjaya Penyiasat Majlis Bandaran dan Tempatan.

Sa-bagaimana kita ma'alum, Tuan Pengerusi, Jawatan-kuasa ini telah lama di-bentok oleh pihak Kerajaan dan telah pun mengadakan penyiasatan² di-semua tempat² kawasan yang ada Majlis Tempatan, tetapi sampai hari ini nampak-nya laporan² belum lagi kita dapati dan apa-kah langkah Kera-

jaan sa-telah kita kembali kepada keadaan tentang menghadapi konfrantasi Indonesia yang begitu lama dan membelanjakan wang yang begitu banyak maka kedudukan Majlis Tempatan itu di-bekukan dalam pilihan rayanya, apa-kah dengan ada-nya peruntukan ini dan sudah di-siasat dan apa-kah hasil-nya dan sa-kira-nya sudah selesai penyiasatan itu maka bila-kah akan di-laporkan kepada Dewan ini supaya kita semua dapat mengetahui keadaan yang sa-benar-nya, mustahak atau tidak Majlis Tempatan ini, atau pun kalau mustahak patut kita lanjutkan lagi chara² mengadakan pilihan raya sa-bagaimana tahun² yang telah lalu. Itu-lah sahaja, terima kaseh.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, hal ini telah di-beritahu di-dalam Dewan Ra'ayat ini bila bahathan Kementerian Local Government and Housing. Laporan akan di-beri persidangan tahun.

Question put, and agreed to.

The sum of \$40,000 for Head S. 60 ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 66, S. 69, S. 71, S. 73, S. 74 and S. 77—

The Minister of Transport (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Pengerusi, Kepala 66, Civil Aviation—\$354,375; S. 69 Marine—\$25,000; S. 71, Road Transport—\$226,000 di-benarkan.

Saya juga mengambil sa-kali gus dengan permohonan daripada pihak Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, kerana tidak ada di-sini di-minta saya mengambilkannya supaya merengskakan Kepala S. 73, Ministry of Works, Posts and Telecommunications—\$6,446; S. 74, Public Works General Services—\$1,379,096 dan S. 77, Telecommunications—\$46,000. Tuan Pengerusi, di-dalam Command Paper 53 telah di-jelaskan keterangan²-nya kepada kedua² Kementerian ini dan kira-nya ada pertanyaan lagi saya boleh-lah terangkan. Jadi saya mohon Kepala² yang saya telah terangkan minta peruntukan supaya di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual ini.

Tuan Mohd. Idris bin Matsil (Jelebu-Jempol): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh dengan harapan dapat penerangan berkenaan dengan Head S. 66—Penerbangan 'Awam.

Tuan Pengerusi, biasa-nya peruntukan tambahan ini di-pohonkan ia-lah atas satu² sebab barangkali dalam masa satu tahun itu tidak di-alami untuk berkehendakkan perbelanjaan yang berlebihan tetapi dalam S. 66 ini di-bawah cheraian yang kedelapan—Penyenggaraan Alat Perkakas dan Kereta peruntukan pada tahun 1966 ia-lah \$57,000. Jadi kalau berkehendakkan tambahan tidak-lah 4 atau 5 kali ganda daripada itu ia-itu \$225,840. Jadi saya suka-lah hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sebab²-nya maka tambahan itu sahingga empat kali ganda daripada yang di-utokkan pada tahun 1966.

Yang kedua-nya, Tuan Pengerusi, di-bawah-nya itu pengangkutan dan perjalanan. Peruntukan anggaran yang di-luluskan dalam tahun 1966 ia-lah \$37,000 dan kemudian pula tambahan yang di-kehendaki \$37,000 juga.

Dan di-dalam Command Paper 53 keterangan yang di-dapati \$37,000 ini ia-lah for the hire of bus to convey some members of the staff from Kuala Lumpur to the International Airport, ya'ani kalau-lah perkara ini terpaksa di-lakukan tidak-lah ini menjadi satu precedent ya'ani kalau pekerja² di-International Airport ini yang walau pun kita ketahui jauh daripada bandar Kuala Lumpur atau pun Petaling Jaya mithal-nya, di-beri pula belanja kerana mereka itu hendak bekerja di-International Airport, tidak-kah besok satu² pejabat yang lain walau pun tiga batu, empat batu jauh-nya daripada pejabat mereka itu, mereka akan berhak juga menuntut jabatan² yang berkenaan supaya transport mereka atau kenderaan mereka di-bayar. Jadi chara mana-kah transport members of the staff yang lain daripada pejabat yang lain atau pun staff yang khas kerana International Airport sahaja. Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit di-bawah S. 66—Penerbangan 'Awam, Pechahan-kepala 105 ia-itu di-minta di-sini sa-banyak \$225,840 untok hendak menjaga perbekalan atau pun tempat eletrik bagi International Airport, dan juga bagi kereta² yang lama. Tuan Pengerusi, saya tidak tahu ada-kah

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Untok penjelasan. Ahli Yang Berhormat daripada Jelebu-Jempol tadi mengeluarkan soal itu juga—sudah di-bawa oleh Yang Berhormat daripada Jelebu-Jempol.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: I think this is not to prevent me from talking (*Ketawa*). Saya fikir walau pun di-sebutkan oleh orang lain tetapi itu tidak menegah saya berchakap.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya ingatkan sahaja kerana soal Yang Berhormat itu tidak bagitu sempurna.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, Tuan Pengerusi, yang saya hendak tahu, ada-kah saluran letrik yang di-pakai di-International Airport itu rosak dan dengan demikian menyebabkan bumbong² rumah Airport itu bochor, dan ini telah pun saya bangkitkan baharu² ini di-dalam development tetapi Menteri kita tidak jawab, agaknya di-sini-lah yang beliau itu hendak menjawab.

Ada pun berkenaan dengan Head S. 66—Penerbangan Awam yang telah pun di-dahulukan daripada Contingencies Fund sa-banyak \$25,000 bagi menolong Kelab Penerbangan di-Perak, saya suka bertanya, berapa banyak-kah lepasan atau pun pilot² yang mendapat latehan di-tempat ini dan ada-kah beberapa orang lepasan daripada Kelab ini mengambil bahagian dalam penerbangan M.S.A. yang baharu² ini saya bacha surat khabar jatoh di-Sarawak-kah atau di-Sabah-kah. Jadi, Tuan Pengerusi, saya amat-lah dukachita kalau sa-kira-nya kelab² yang sa-macham ini mengeluarkan pilot² yang tidak chekap, kechuali

kalau masalaah menyebabkan jatohnya kapal terbang itu kerana kapal terbang itu sendiri tidak elok dan itu lagi lebeh burok lagi kerana Kementerian kita membiarkan kapal² terbang yang tidak elok terbang di-angkasa kita. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh satu dua perkara yang kechil² sahaja dalam bab ini, yang pertama ia-lah tentang S. 66, Pechahan-kepala 22—Pemberian Khas Kapada Kelab Penerbangan Perak. Berapa buah Kelab Penerbangan lagi-kah yang mendapat bantuan daripada Kementerian ini, sa-lain daripada Kelab yang ada? Kerana saya nampak ini ia-lah peruntokan tambahan, jadi perkara ini baharu, entah siapa punya dorongan menjadikan Kementerian ini memberi kapada kelab ini, tentu ada kelab² lain yang di-beri bersama².

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap tentang S. 74, Pechahan-kepala 13—Jalan² Raya dan Jambatan. Saya chuma hendak menarek perhatian Menteri Yang Berhormat kapada sa-tengah² jalan dan feri di-sebelah pantai timor terutama-nya di-negeri Pahang. Menurut apa yang telah di-beri tahu, di-tempat² feri² di-negeri Pahang ini ada tertulis papan kenyataan yang menyatakan siapa-kah yang patut di-beri keutamaan untuk menggunakan feri² ini. Maka menurut apa yang saya di-beri tahu di-tulis-lah bahawa keutamaan di-beri kapada Ahli² Yang Berhormat Dewan Negara dan Dewan Negeri dan di-tinggalkan langsung Ahli Yang Berhormat Dewan Ra'ayat. Erti-nya kalau ada-lah satu² kechemasan dan banyak sangat kereta² itu berderet² menunggu feri di-situ, kalau ada Ahli Dewan Negeri dan Dewan Negara di-beri keutamaan tetapi Ahli Dewan Ra'ayat tidak di-beri keutamaan. Saya rasa kalau hendak di-beri keutamaan biar-lah di-beri keutamaan kapada semua Ahli² Meshuarat Dewan Negeri, Dewan Ra'ayat atau Dewan Negara. Jadi ini perhatian saya elok di-tarek dan saya harap perkara ini kalau betul bagitu dapat di-betulkan sedikit supaya ini tidak lagi menjadikan agak embarrass-

ing kapada Ahli² Dewan Ra'ayat yang juga menggunakan jalan dan feri itu.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, ia-lah tentang Penyelenggaraan Padang Terbang, S. 74—4. Saya memikirkan tentang belanja yang di-minta ini, saya memikirkan kapada padang kapal terbang di-Kuala Trengganu. Saya rasa di-sana bukan perkara penyelenggaraan-nya yang harus di-fikirkan tetapi padang kapal terbang di-Kuala Trengganu ini perlu di-beri pelancharan baharu supaya tidak berlaku kegendalaan pada masa musim bah—musim banjir. Musim banjir baharu² ini empat lima hari tidak boleh turun kerana pelancharan-nya rumput sahaja jadi ayer naik, kapal terbang tidak boleh turun, Menteri² daripada Pusat hendak pergi pun tidak dapat. Jadi, kalau tidak di-buat pelancharan baharu walau macham mana pun di-selenggarakan atau di-baiki padang kapal terbang di-Kuala Trengganu itu tidak memberi guna. Jadi saya merayu-lah supaya janji² yang telah lama di-beri untuk hendak membesarkan pelancharan kapal terbang di-Kuala Trengganu itu dapat di-ponohi.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, bagi menerangkan pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Jelevu-Jempol dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi kata berganda² naik-nya berkenaan dengan tambahan \$225,840, ada-lah perlu sa-bagai penyelenggaraan alat² letrik dan kenderaan² lama di-Lapangan Terbang Antara Bangsa, peruntokan bagi alat² letrik tidak di-buat di-dalam tahun 1966, kerana hendak menentukan mana satu pejabat yang berkenaan ini tetapi akhir-nya pehak Perbendaharaan mengatakan ini tanggong-jawab Pejabat Penerbangan 'Awam, jadi kena-lah masok dan di-peruntokkan kerana tidak dapat di-tentukan lebeh dahulu.

Yang kedua, berkenaan dengan \$37,000 soalan Ahli Yang Berhormat daripada Jelevu-Jempol, ini mengikut Perbendaharaan telah pun di-bahathkan di-sana oleh kerana Ibu Pejabat Penerbangan 'Awam di-bandar dan International Airport ini 14 batu, pergi

balek 28 batu, tentu-lah mereka layak mengikut General Orders dapat terbang² atau pun kalau di-chartered bus pun kena-lah dengan apa chara-nya—itu di-luluskan mengikut General Orders.

Berkenaan dengan bantuan \$25,000; ini saya suka terangkan yang sa-benar-nya sa-banyak \$60,000 sahaja yang telah di-untukkan bagi perbelanjaan pengangkutan—minta ma'af saya. Berkenaan dengan bantuan \$25,000 ini ia-lah permohonan daripada pehak Kelab Penerbangan di-Ipoh kerana mereka telah menchuba dengan sa-berapa daya-nya memungut derma² dan mengadakan keramaian kerana hendak membeli satu alat jentera penerbangan yang akan memberi peluang kepada pehak² Malaysia—pemuda² Malaysia belajar dan boleh menjadi pilot yang akan ada harapan dapat gaji dan kerja yang baik. Tetapi berkenaan dengan berapa orang saya tidak ada di-sini, tetapi minta-lah waktu kalau ada hendak bertanya saya boleh-lah berhubung nanti dengan pehak Yang Berhormat itu. Tetapi sa-lama ini tentu-lah banyak telah berlatah dan banyak telah masuk dalam R.M.A.F. dan barangkali juga ada dalam M.S.A. Tetapi saya suka menerangkan berkenaan kemalangan itu, patut Yang Berhormat daripada Bachok ini shukor kepada Allah ta'ala, walau pun dalam kemalangan itu ada sa-orang sahaja yang luka sedikit passenger-nya dan dia bukan-lah kelulusan daripada kelab penerbangan yang di-Ipoh itu.

Yang sa-benar-nya ahli² pemandu kapal terbang kita dalam M.S.A. ini semua sa-kali teraku kepintaran, kebolehan-nya dan lulus di-dalam international requirements atau standard. Tetapi kalau kemalangan itu hendak datang, dia tidak berbau. Chuma kita berdo'a sahaja-lah jangan-lah kemalangan itu terjadi lagi kepada M.S.A. itu.

Berkenaan dengan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara—berapa banyak kelab² yang lain? Yang sa-benar, kelab² lain ada juga bermohon, tetapi malang-nya, oleh kerana kita

telah mengurangkan perbelanjaan Kerajaan, permohonan², kelab² penerbangan yang besar dan chergas sahaja di-timbang umpama daripada Flying Club Kuala Lumpur yang ada mempunyai ahli hampir 500 orang. Lebih daripada sa-paroh daripada pemuda² Malaysia yang suka hendak belajar, tetapi kapal terbang-nya tidak chukup, tidak ada kapal terbang dia hendak beli—kurang wang. Dan ada permohonan dan akan di-timbangkan perkara ini. Tetapi ini menjadi dasar—polisi, atau dasar Kerajaan Perikatan menolong persatuan² kelab² penerbangan ini, membagi peluang kepada pemuda² Malaysia mempelajari penerbangan dan ini akan berguna kepada masa hadapan, terutama sa-kali apabila kita berkehendakan banyak pemandu² kapal terbang di-dalam R.M.A.F. atau pun dalam M.S.A. yang ka-hadapan nanti.

Berkenaan dengan wakil Kuala Trengganu Utara tadi, bertanyakan berkenaan Sign Board di-ferry. Saya fikir, tidak termasuk-lah dalam bab ini, tetapi saya akan ambil ingatan. Kita akan perbaiki apa juga yang telah di-terangkan tadi, sa-bagai fahaman atau pun sa-bagai pengetahuan umum, jangan sampai jadi ada beza-membedza atas apa benda yang Sign Board itu.

Sa-lain daripada itu, berkenaan bumbong; bumbong yang sa-benar ini bukan bumbong burok, bumbong itu baharu. Tetapi chara bumbong ini satu chara istimewa dan lengkong. Jadi apabila ada musim ribut dan ayer hujan ini datang daripada segala segi, jadi dia menyusup di-bawah lekok². Jadi dia menyusup itu, apabila terlampau banyak dia menitis-lah ka-bawah. Tetapi bukan-lah ma'ana-nya bumbong itu terbang atau pechah. Dan pehak akitek dan pehak Pejabat Kerja Raya selalu akan memerhatikan, kalau macham mana kalau hendak di-gala pun di-gala-lah jangan sampai benda ini merebak dan menitis ka-bawah lagi. Ini akan merugikan keadaan sa-buah bangunan yang bagitu sergam ada kala²-nya ayer masa hujan lebat itu, menitis. Jadi nampak-lah kurang sesuai keadaan-nya. Jadi, pehak Jabatan Penerbangan 'Awam, mengambil perhatian

atoran² menutup segala² ayer yang melebeh, kerana terlampau banyak ayer bertakong di-dalam lekok² yang ada dalam feshen baharu itu. Saya harap, kejadian ini tidak akan berpanjangan di-bangutan itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, ia itu berkenaan dengan sign board tadi. Saya mendapat ma'alumat, surat, tetapi tidak ada nama yang bertulisnya, menhadangkan supaya sign board "slow" atau pun "berjaga²" itu patut di-adakan bukan sahaja di-tempat ferry, tetapi juga di-buat di-kubor² yang di-tepi jalan. Kata-nya dalam surat itu mengatakan Menteri kita sendiri pun, apabila sampai di-kubor itu, tepok belakang derebar suroh lari chepat (*Ketawa*). Kalau sa-kira-nya Menteri kita ini merasa takut, patut-lah sign board itu di-buat supaya orang lain juga dapat keselamatan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Barangkali dia meminjam mata orang. Barangkali, kalau Yang Berhormat sendiri boleh jadi kalau membawa kereta sendiri takut-lah. Fasal kubor itu boleh jadi dia lari kuat nanti. Saya tidak pernah lari kuat, tetapi kadang² kubor ini, tak sedar kita kalau malam. Jadi, tentang hendak permohonan itu, saya minta-lah kalau di-jajahan Bachok, minta-lah daripada Pegawai Daerah dan Yang Berhormat ini menerusi Setia-usaha Kerajaan supaya mengatakan tempat itu patut-lah di-adakan tanda perlahan itu kita akan timbangkan, kerana jalan² raya itu berkenaan hendak gazette atau pun hendak di-jadikan berita *Warta Kerajaan*, tentu-lah bagaimana pengangkutan dia meminta kebenaran saya menanda tangan-nya. Tetapi itu terpulang kepada Daerah dan Kerajaan masing² mengakukan tempat² itu. Dan saya harap kalau ada tempat itu di-tempat Yang Berhormat itu di-Bachok, tolong-lah berhubung dengan pihak Pegawai Daerah dan menulis kepada saya, saya akan timbangkan perkara ini.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Satu soalan yang saya bangkitkan tadi, tentang lapangan terbang Kuala

Trengganu. Kalau boleh di-beri sedikit penjelasan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Lapangan terbang Kuala Trengganu ini, barangkali saya sudah terangkan kepada Rumah Yang Berhormat ini. Saya telah mendesak daripada dua million turun sampai satu million kerana hendak mengurangkan belanja dan hendak di-baiki, hendak di-tarok tar. Tetapi malang-nya keadaan negeri kita ini belum lagi dapat mengizinkan. Tetapi insha' Allah dengan ada dasar baharu ini, Asian Development Bank boleh membantu berkenaan dengan pembenaan padang² kapal terbang. Kita akan memajukan lagi soal peruntukan padang kapal terbang di-Kuala Trengganu ini.

Question put, and agreed to.

The sums of \$354,375 for Head S. 66; \$25,000 for Head S. 69; \$226,000 for Head S. 71; the sums of \$6,446 for Head S. 73; \$1,379,096 for Head S. 74 and \$46,000 for Head S. 77 ordered to stand part of the Schedule.

Mr Chairman: Meshuarat ini ditangguhkan sementara.

Sitting suspended at 5.40 p.m.

Sitting resumed at 5.55 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Head S. 72—

Menteri Kebajikan 'Am (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan peruntukan tambahan wang sa-banyak \$10,800 di-bawah Kepala S. 72, Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am, Pechahan-kepala 34—Kereta Motor, di-luluskan. Wang ini ada-lah di-kehendaki bagi membeli sa-buah motokar untuk kegunaan rasmi Menteri Kebajikan 'Am. Pembelian ini ialah untuk menggantikan motokar lama yang tidak dapat di-gunakan dengan sempurna-nya lagi.

Tuan Pengerusi, dengan hormat-nya saya mengemukakan untuk di-luluskan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong permintaan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan 'Am, bukan sahaja saya fikir saya sokong dalam masaalah membeli kereta ini, tetapi satu perkara yang patut Kerajaan fikirkan menambah peruntokan-nya dengan mengganti bangunan Pejabat Kementerian Kebajikan 'Am-nya. Sebab, Tuan Pengerusi, saya hendak katakan Kementerian ini di-dudukkan di-bangunan yang burok berumur 35 tahun. Kalau waktu banjir Pejabat Kementerian inilah yang selalu di-datangi banjir. Kasehan saya menengok Menteri ini dia tidak ada macham Menteri² lain semua dapat bangunan baharu.

Mr Chairman: Ini \$10,800 yang diminta ia-lah untuk membeli motokar sahaja bukan untuk membuat bangunan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Betul, Tuan Pengerusi, tetapi saya fikir Kerajaan patut tambah bukan untuk membeli motokar, patut buat Bangunan Kementerian ini. Itu satu pandangan saya walau pun Menteri ini tidak mengeluarkan hasil negara tetapi dia banyak membuat kebajikan, banyak membuat pahala, patut Bangunan itu kita buat. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya dukachita diatas permintaan yang hendak ditambah ini bukan-lah dukachita kerana permintaan ini untuk hendak memberi kemudahan kepada Menteri, tetapi ia-lah kerana dalam penerangan meminta wang tambahan ini tidak di-sebutkan ada-kah motokar itu memakai air-condition atau pun tidak. Oleh kerana saya lebih suka kalau motokar tidak pakai air-condition. Sebab motokar yang memakai air-condition ini memberi hawa yang sejok dan Menteri kita sudah berumur dan tidak patut sangat

air-condition itu jadi menyekat lagi darah² berjalan kapada tangan, sebab itu saya mengshorkan kepada Kerajaan motokar yang hendak di-pakai oleh Menteri yang berkenaan ini jangan memakai air-condition.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Pengerusi, saya ucapkan ber-banyak terima kaseh kapada kedua² Ahli Yang Berhormat yang telah mendatangkan pandangan dan fikiran berkaitan dengan motokar saya itu. Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat daripada Bachok, saya ini memang-lah selalu perasaan tenang tidak marah, bukan pemarah, darah tidak panas, dan saya tidak berkehendakkan air-condition supaya menyejokkan darah saya itu dan oleh kerana itu motokar saya pun tidak ada air-condition.

Question put, and agreed to.

The sum of \$10,800 for Head S. 72 ordered to stand part of the Schedule.

Clauses 1 and 2 ordered to stand part of the Bill.

House resumed.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

ADJOURNMENT OF THE HOUSE

(Motion)

Tuan V. Manickavasagam: Mr Speaker, Sir, I beg to move:

That further consideration of the business before the House be deferred and that the House do now adjourn.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Sir, I beg to second the motion.

Question put and agreed to.

Resolved,

That further consideration of the business before the House be deferred and that the House do now adjourn.

Mr (Deputy) Speaker: Meshuarat ini di-tangguhkan hingga pukul 10.00 pagi esok.

Adjourned at 6.00 p.m.